

KANDUNGAN

BERAGAMA

PERKHIDMATAN

SINOPSIS

PETA-PETA LOKAR

SENARAI JURNAL

SENARAI KATA KUNCI: TAJUK: STRUKTUR SOSIO-EKONOMI  
KOMUNITI PENOREH GETAH

BAB 1 - Pengenalan

- 1.1 Tujuan Kajian  
NAMA: TONG KIAT ANNA
- 1.2 Topik dan Skop Kajian  
NOMBOR MATRIK: 044228
- 1.3 Teknik Pengumpulan Data

1.3a) Etnografi

LATIHAN ILMIAH BAGI

1.3b) Survey

MEMENUHI SEBAHAGIAN DARIPADA

1.3c) Dokumentasi

SYARAT-SYARAT UNTUK IJAZAH

- 1.4 Masalah-masalah Praktikal Kajian  
SARJANA MUDA SASTERA

BAB 2 - Aspek-Aspek Sosial

- 2.1 Struktur Keluarga  
JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI
- 2.2 Kemudahan-Kemudahan Infrastruktur  
UNIVERSITI MALAYA

- 2.3 Perumahan  
KUALA LUMPUR

- 2.4 Pendidikan

- 2.5 Pertubuhan Agensi & Sosial

- 2.6 Kemudahan Kesihatan & Perkhidmatan Keselamatan  
SESSI 1985/86

BAB 3 - Aspek-Aspek Ekonomi

- 3.1 Struktur Ekonomi Ladang

KANDUNGANMUKASURAT

PENGHARGAAN	i
SINOPSI	ii
PETA-PETA LAKAR	iii - iv
SENARAI JADUAL	v - vi
SENARAI KATA RINGKAS (ABBREVIATION)	vi
<b>BAB 1 - Pengenalan</b>	<b>1</b>
1.1 Tujuan Kajian	1 - 6
1.2 Topik dan Skop Kajian	6 - 9
1.3 Teknik Pengumpulan Data	<b>9 - 17</b>
1.3a) Etnografi	
1.3b) Survey	
1.3c) Dokumentasi	
1.4 Masalah-masalah Praktikal Kajian	17 - 21
<b>BAB 2 - Aspek-Aspek Sosial</b>	<b>22</b>
2.1 Struktur Kekeluargaan	22 - 29
2.2 Kemudahan-Kemudahan Infrastruktur	29 - 34
2.3 Perumahan	<b>40 - 43</b>
2.4 Pendidikan	43 - 54
2.5 Pertubuhan Agama & Sosial	54 - 55
2.6 Kemudahan Kesihatan & Perkhidmatan Keselamatan	54 - 60
<b>BAB 3 - Aspek-Aspek Ekonomi</b>	<b>57 - 58</b>
3.1 Struktur Ekonomi Ladang	58 - 62

3.2	Ekonomi Keluarga	63 - 76
3.2a)	Pekerjaan Ketua Keluarga & Pendapatan	
3.2b)	Pola Pendapatan	
3.2c)	Pola Perbelanjaan	
3.3	Perbelanjaan Harta Tetap Tahunan, Milikan, Tabungan	76 - 79
<b>BAB 4 - Masalah-Masalah Penoreh Getah</b>		82
4.1	Konsep, Pengukuran & Teori Kemiskinan	82 - 91
4.2	Masalah-masalah Ekonomi	91 - 101
4.3	Masalah-masalah Sosial	101 - 105
<b>BAB 5 - Kesimpulan</b>		107
5.1	Penilaian Keadaan Sosio-Ekonomi	107 - 111
5.2	Saranan-Saranan Memperbaiki Status Sosio-Ekonomi	111 - 114
5.3	Saranan-Saranan Memperbaiki Teknik Pengumpulan Data	114 - 116

SAMPEL SOAL-SELIDIK

BIBLIOGRAFI

Penghargaan

Saya ingin mengambil peluang ini untuk mengucapkan terima kasih kepada:

- \* DR. HING AI YUN yang telah memberi panduan serta bantuan kepada saya dalam mengatasi beberapa masalah sejak proses kerja lapangan dan menegur serta membetulkan kesilapan-kesilapan latihan ilmiah ini.
- \* Komuniti-komuniti penoreh getah Ladang Lenga dan Ladang Temiang-Rencong yang memberi layanan baik kepada saya semasa kerja lapangan.
- \* Sahabat baik saya, Melanie Loo, yang sudi menaip latihan ilmiah ini walaupun kesuntukan masa dan menghadapi kebuntuan membaca tulisan saya !!
- \* Kawan-kawan yang mengambil berat tentang saya dengan, "Sudah selesai tesis kamu?"...

TONG KIAT ANNA

JABATAN ANTROPOLOGI & SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

FEBRUARI, 1986

SIPNOPSIS

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji keadaan sosio-ekonomi komuniti penoreh getah ladang kini untuk menentukan setakat mana mobiliti sosio-ekonomi yang memuaskan telah dicapai.

Dalam Bab Satu (Pengenalan); tujuan, topik, skop dan kaedah-kaedah pengumpulan data kajian akan dinyatakan. Seterusnya, kesulitan-kesulitan tertentu yang timbul sama ada dijangkakan atau sebaliknya oleh penyelidik semasa penyelidikan akan dibincangkan.

Bab Dua pula akan memberi tumpuan kepada aspek-aspek sosial komuniti kajian seperti struktur kekeluargaan dan jenis serta mutu kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh majikan ladang. Akan dibincangkan pencapaian kanak-kanak ladang di sekolah kerana memandangkan kadar kemasukan yang rendah manakala kadar keciciran adalah tinggi. Peranan-peranan pertubuhan agama serta sosial di ladang, kemudahan-kemudahan kesihatan dan perkhidmatan keselamatan untuk komuniti tersebut juga dibincangkan.


Seterusnya, Bab Tiga akan mengkaji aspek-aspek ekonomi untuk mendapat gambaran jelas dan menentukan kedudukan ekonomi sebenar komuniti ini kini. Faktor-faktor yang mempengaruhi status mereka adalah seperti pendapatan serta saiz keluarga, pola-pola pendapatan serta perbelanjaan dan harta milikan. Beberapa faktor yang menentukan skel gaji juga akan dikenal-pastikan.

Bab Empat akan mengemukakan konsep, pengukuran serta teori kemiskinan


oleh pendekatan-pendekatan penyelidikan berlainan dan melihat setakat mana adanya kaitan dengan corak hidup responden-responden kajian ini. Seterusnya, masalah-masalah sosio-ekonomi yang masih wujud di ladang sejak 1957 akan dibincangkan.

Akhirnya, Bab 5 akan menilai secara ringkas struktur sosio-ekonomi komuniti ini. Saranan-saranan untuk mengatasi masalah-masalah sosio-ekonomi tadi dan untuk memperbaiki teknik pengumpulan data akan dicadangkan kemudiannya.





PETA LAKAR LADANG TEMIANG-RENGONG





<u>Senarai Jadual</u>	<u>Mukasurat</u>
1. Malaysia: Keluaran Dalam Negara Kasar (Pertanian 1970 - 1975).	2
2. Semenanjung Malaysia: Bilangan Keluarga Miskin Mengikut Sektor 1970 - 1980.	5
3. Malaysia: Pertumbuhan Keluaran Pertanian 1971 - 1985.	8
4. Semenanjung Malaysia: Pekerja-pekerja Sektor Perladangan.	9
5. Jadual Saiz Keluarga Responden	23
6. Jadual Tempoh Penetapan Responden	27
7. Semenanjung Malaysia: Penyibaran Kemudahan Kesihatan Di Ladang 1979.	30
8. Pelan Rumah Buruh Ladang Kajian	43
9. Data Murid Sekolah Menengah Alauddin Riayat Shah I (1984 - 1985).	47
10. Analisa-analisa Keputusan Peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran 1984- Sekolah Alauddin Riayat Shah I.	48
11. Analisa-analisa Keputusan Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia 1984 - Sekolah Alauddin Riayat Shah I.	49 - 50
12. Sistem Pendidikan Malaysia.	52
13. Kadar Pencapaian Bahasa Malaysia Mengikut Kelas Darjah-darjah & Jenis Sekolah Rendah.	53
14. Hasil-hasil Getah & Kelapa Sawit Ladang Lenga (1980 - 1985).	61
15. Bilangan Pekerja Sesuatu Keluarga Responden.	63
16. Pendapatan Per Kapita Bulanan Keluarga Responden.	64

17.	Pengagihan Jenis Pekerjaan Kanak-kanak Di Ladang Getah.	65
18.	Jumlah Pendapatan Keluarga Responden.	66 - 67
19.	Pola perbelanjaan bulanan dan tahunan keluarga responden.	73
20.	Struktur pendapatan & perbelanjaan keluarga-keluarga 5 responden.	79
21.	Struktur Perbelanjaan & Pendapatan.	80
22.	Semenanjung Malaysia Pendapatan Purata Bulanan Golongan-golongan Miskin (1979 - 1980).	108

Senarai Kata Ringkas

%	-	Peratusan
DEB	-	Dasar Ekonomi Baru
KDNK	-	Keluaran Dalam Negara Kasar
RMT	-	Rancangan Malaysia Ketiga
NUPW	-	National Union Plantation Workers
MAPA	-	Malayan Agricultural Planters Association
TR	-	Temiang Rencong
SERU	-	Socio-Economic Research Unit
WHO	-	World Health Organisation
INSAN	-	Institute for Social Analysis
KWSP	-	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja
RME	-	Rancangan Malaysia Keempat.

## BAB 1

### Pengenalan

#### 1.1 Tujuan Kajian

Walaupun kadar kemajuan semakin pesat di negara-negara Asia, amnya dan Malaysia khasnya selepas kemerdekaan, usaha-usaha membangunkan taraf sosio-ekonomi golongan buruh pertanian sehingga kini masih tidak memuaskan. Langkah-langkah memajukan mereka dikatakan marginal serta dipersoalkan kerana masalah kemunduran sosio-ekonomi masih menjadi salah satu daripada ciri-ciri kehidupan mereka.

Faedah-faedah daripada perancangan pembangunan yang diharapkan masih tidak dapat dinikmati mereka. Ini adalah akibat daripada beberapa kelemahan seperti dari segi pelaksanaan. Sebagai satu contoh, DEB yang mempunyai dasar yang baik, masih mempunyai pelaksanaan yang tidak kemas.

Sejak 1980, sektor-sektor perindustrian serta perkhidmatan semakin penting dalam proses pembangunan negara. Walau bagaimanapun, ekonomi negara kini masih kuat bergantung kepada sektor pertanian. Nilai tambahan sektor pertanian dalam KDNK dalam 1975 adalah 30.1 peratus (%) di mana ia meningkat sebanyak 5.9% tahunan antara 1971 - 1975.<sup>1</sup>

<sup>2</sup>  
1.1.1 Malaysia: Keluaran Dalam Negara Kasar (Pertanian 1970 - 1975)

2  
1.1.1 Malaysia: Keluaran Dalam Negara Kasar (Pertanian 1970 - 1975)

(\$j Mengikut harga tahun 1970)						
(0 0 0)						
<u>1970</u>	<u>1971</u>	<u>1972</u>	<u>1973</u>	<u>1974</u>	<u>1975</u>	<u>Kadar Perkembangan</u> <u>Purata Tahun (%)</u>
3,432	3,612	3,720	4,241	4,518	4,568	5.9

Daya pengeluaran purata sebenar pula telah bertambah sebanyak 4.5% tahunan antara 1970 - 1975 di mana ini telah mewujudkan lebih peluang-peluang pekerjaan.<sup>3</sup> Walaupun begitu ia tidak semestinya membawa kemajuan kepada alam kehidupan buruh-buruh pertanian apabila disertai dengan kemudahan-kemudahan taliair, rekreasi serta perumahan oleh majikan. Maka, memandangkan keadaan statis taraf sosio-ekonomi pekerja-pekerja tersebut, wujud keperluan untuk mengkaji keadaan taraf yang statis itu khasnya di ladang-ladang.

Pada 1975, sektor pertanian telah menyumbangkan 45.5% jumlah tukaran wang asing, 29.8% jumlah KDNK serta menyerapkan 49.3% (1.9 juta orang) jumlah tenaga buruh.<sup>4</sup> Di sebalik sumbangan ini, kadar kemiskinannya adalah tinggi walaupun 69% daripada rancangan-rancangan pembangunan nasional dikhaskan untuk pembasmian kemiskinan.<sup>5</sup> Nilai tambahannya sebanyak 5.9% tiap tahun (1971 - 1975) pula adalah akibat dari perluasan tanah, kemudahan-kemudahan infrastruktur, perkhidmatan kesihatan, perkembangan kredit dan sistem pemasaran.<sup>6</sup>

Bilangan pekerjaan (1971 - 1975) sebanyak 150,000 telah bertambah sehingga 1.9 juta pada akhir tahun 1975.<sup>7</sup> Di sebalik ini pula, jumlah gunatenaga telah merosot sebanyak 4.2% (1970 -1975) akibat perkembangan-perkembangan pesat oleh sektor-sektor lain.<sup>8</sup> Walau bagaimanapun, sumbangan sektor ini yang merosot dalam KDNK sebanyak 3.3% (1975 - 1980) masih tidak menjejaskan peranan pentingnya dalam ekonomi negara.<sup>9</sup> Ini adalah kerana sektor-sektor lain yang masih lemah secara relatifnya dengan sektor pertanian.

Dari 1980 - 1985, jumlah gunatenaga telah merosot sebanyak 4.7%.<sup>10</sup> Pertumbuhan keluaran sebanyak 3% setahun serta gunatenaga sebanyak 0.7% setahun pula, sektor pertanian telah memberi sumbangan 77% dari tambahan keluarannya.<sup>11</sup>

Kadar kemiskinan pada 1970 sebanyak 68.3% telah merosot kepada 46.1% (1980) manakala kadar tersebut dalam sektor-sektor bukan pertanian telah merosot secara pesat.<sup>12</sup> Dalam 1983, kadar kemiskinan dalam sektor pertanian telah meningkat ke 54.9%.<sup>13</sup>

Peningkatan kadar kemiskinan dalam sektor pertanian didapati bercanggah dengan dasar serta harapan rancangan-rancangan pembangunan nasional. Hasil ini amat berlainan apabila dibandingkan dengan kemajuan produktiviti tanaman kontan seperti getah. Dasar "Research and Development" pertanian telah berjaya dalam memperbaiki lagi metod-metod pengeluaran

serta produktivitinya. Tetapi, disebalik ini, fenomena kemunduran masih jelas di kalangan buruh-buruh pertanian.

Ini jelas dimanifestasikan dalam masalah-masalah kekurangan zat makanan, pakaian, kesihatan dan pendidikan.

Rancangan-rancangan pembangunan untuk peningkatan pendapatan serta daya pengeluaran, mewujudkan serta menambahkan peluang-peluang pekerjaan dan memodenkan sektor pertanian telah gagal mempengaruhi mobiliti sosio-ekonomi yang statis seperti di kalangan buruh-buruh ladang-ladang getah. Pengeluaran pertanian (1971 - 1975) pula, terjejas akibat kemelesetan ekonomi (1974-1975) serta keadaan cuaca buruk (1976 - 1980). Tambahan pula, harga tanaman penting seperti getah sentiasa tidak stabil dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Faktor-faktor buruk ini didapati sukar untuk diatasi kerana berkait rapat dengan ekonomi dunia. Kesan daripada ini, ia telah memberi implikasi-implikasi negatif kepada golongan buruh pertanian.

Kadar kemiskinan sektor pertanian yang merosot sebanyak 22.2% (1970 - 1980) adalah akibat dari peruntukan besar sektor awam untuk memperbaiki daya pengeluaran pekebun-pekebun kecil dan pemulihan kestabilan harga barangan dari 1976 - 1980.<sup>14</sup> Tetapi, langkah-langkah ini hanya membawa kemajuan-kemajuan kepada golongan pekebun-pekebun manakala buruh-buruh perladangan yang tiada milikan tanah pertanian sendiri tidak memperlihatkan apa-apa perubahan. Seterusnya, mereka senantiasanya menghadapi masalah pembayaran upah yang rendah serta tidak stabil dari

majikan.

Salah satu daripada asas DEB adalah untuk meningkatkan peruntukan bagi kebajikan golongan mundur tetapi faedah-faedahnya telah mengalir kepada golongan-golongan lain. Golongan pekerja-pekerja ladang dikategorikan sebagai salah satu daripada yang "miskin" dalam RMT. Dalam 1970, lebih kurang 60% pekerja-pekerjanya dari jumlah 150,000 rumahtangga, berpendapatan bulanan antara \$100 - \$120 (tidak termasuk kemudahan perumahan serta faedah-faedah lain) manakala 20% lagi berpendapatan bulanan di bawah garis tersebut.<sup>15</sup>

Skel gaji mereka bergantung kepada perjanjian di antara NUPW dengan MAPA, peranan majikan dan keadaan ekonomi antarabangsa.

1.1.2<sup>16</sup> Semenanjung Malaysia: Bilangan Keluarga Miskin Mengikut Sektor

(1970 - 1980)												
	1970				1975				1980			
	1	2	3	4	1	2	3	4	1	2	3	4
	000	000	%		000	000	%		000	000	%	
Pertanian												
Pekerja Ladang	148.4	59.4	40.1	7.5	127	59.7	47	7.1	111.5	42.4	38	5.5
Lain-lain												
Jumlah	852.9	582.4	68.3	74	915	577	63	69	958	472	49	61

1 - Jumlah Keluarga

3 - Kadar Kemiskinan

2 - Jumlah Keluarga Miskin

4 - Peratus kalangan miskin

Dari jadual 1.1.2, didapati kadar kemiskinan pekerja-pekerja ladang telah meningkat dari 1971 - 1975. Ini adalah akibat pengaruh besar dalam kenaikan harga getah sebanyak 1.8% setahun.

Dari segi sejarah, tanaman kontan getah sejak 1957 meliputi ladang-ladang khasnya dimiliki sektor swasta. Selaras dengan kemajuan pengeluaran tanaman ini, banyak kajian telah dijalankan ke atas pekebun-pekebun getah kecil sedangkan keadaan penoreh-penoreh getah ladang kurang diselidiki.

Walaupun ladang-ladang getah ini diambilalih sebahagian besarnya oleh kerajaan sejak 1957, di mana ia adalah majikan terbesar, pekerja-pekerja ladang masih dalam keadaan mundur. Maka, tujuan kajian latihan ilmiah ini akan cuba meneliti keadaan taraf sosio-ekonomi mereka di mana mungkin akan bertemu dengan asas masalah kemiskinan yang masih berlanjutan.

## 1.2 Topik & Skop Kajian

Pengeluaran getah sebanyak 750 kilogram sehektar (1970) telah meningkat kepada 1,450 kilogram sehektar (1983)<sup>17</sup>. Pertumbuhan pengeluaran ini berlaku selaras dengan langkah-langkah menyetabilkan harga getah. Penubuhan Skema Penyetabilan Harga Getah Antarabangsa yang berkerjasama dengan Persatuan Negara-negara Pengeluaran Getah Asli telah menguntungkan pengeluar-pengeluar serta pengguna-penggunanya.

Di sebalik ini pula, golongan pekerja-pekerja Melayu serta



Cina di ladang getah masih terdedah kepada eksploitasi pendapatan rendah serta masalah mobiliti sosio-ekonomi. Ringkasnya, kemajuan dalam proses pengeluaran getah tiada kaitan rapat dengan kemajuan taraf hidup pekerja-pekerjanya walaupun mereka masih membentuk jenis tenaga buruh yang terpenting. Keuntungan dari pertambahan hasil pertanian jarang dicerminkan dalam kehidupan golongan buruh ini. Akibat dari pengamalan prinsip falsafah kapitalisma dalam ekonomi moden kini, usaha-usaha untuk meminimakan kos pengeluaran oleh pihak majikan telah memberi kesan negatif kepada tingkat upah pekerja-pekerjanya.

Komuniti buruh ini biasanya berpelajaran rendah ataupun buta huruf dan kurang sedar mengenai saluran-saluran kerajaan. Sering, mereka terperangkap dalam keadaan hampa serta berputus asa dengan mudah.

Peralihan struktur tanaman kontan getah kepada kelapa sawit sejak 1970an telah mendorong perpindahan keluar penoreh-penoreh getah ladang. Selain itu, adanya yang diserapkan ke dalam skema pembukaan tanah kerajaan. Dari segi tingkat pendapatan, memotong buah kelapa sawit pula, ia adalah lebih rendah berbanding dengan skel upah torehan getah. Proses perubahan secara perlahan-lahan itu telah melahirkan gunatenaga tidak penuh di ladang-ladang getah sebagaimana yang dapat dijelaskan dalam model-model kajian ladang ini.

Oleh kerana faktor masa, kajian ini akan memberi tumpuan ke

atas komuniti penoreh getah ladang semasa kerja lapangan (1hb April - 15hb Mei 1985). Dalam kajian ini didapati bahawa proses penggantian tanaman kontan getah oleh kelapa sawit sejak 1970 - 1985 semakin pesat.

18  
1.2.1 Malaysia: Pertumbuhan Keluaran Pertanian 1971 - 1985

(1975 = 100)								
	1970	1971	1976	1977	1978	1979	1980	1985
Getah	85.0	89.6	111.3	109.2	108.7	109.3	109.3	112.1
Kelapa Sawit	34.3	46.8	110.5	128.2	141.9	173.8	205.9	309.6

Seterusnya, skop kajian ini akan disempitkan lagi kepada aspek-aspek sosio-ekonomi pekerja-pekerja ini. Kepentingan serta keperluan untuk memberi tumpuan kepada aspek-aspek ini adalah akibat masalah kemunduran mereka yang berlanjutan. Apakah kemajuan berterusan dalam pengeluaran tidak akan dapat memungkinkan pekerja-pekerjanya dimajukan bersama dalam taraf hidup mereka?

Dengan mempertimbangkan persoalan ini, kerja lapangan telah dijalankan ke atas 31 orang responden Melayu serta 19 orang responden Cina di dua ladang getah melalui soal-selidik. Walaupun bilangan kedua-dua kaum ini semakin merosot di ladang-ladang getah, tetapi yang masih ada di dalamnya adalah sebahagian daripada tulang belakang sumber tenaga buruh. Ini dapat dijelaskan dalam kajian "aspek-aspek sosio-ekonomi pekerja-pekerja

ladang Semenanjung Malaysia" oleh Daniel, J.Rabindra, Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 1985.

### 1.2.2 PEKERJA-PEKERJA SEKTOR PERLADANGAN SEMENANJUNG MALAYSIA

Kaum	1980	1981	1982	1983
Melayu	95,830 (38%)	92,249 (32%)	92,249 (37%)	80,842 (34%)
Cina	35,500 (14%)	34,273 (14.1%)	30,419 (12%)	23,694 (10%)
Lain-lain				
Jumlah	253,170 (100%)	244,613 (100%)	248,449 (100%)	235,599 (100%)

Dari segi hasil-hasil kajian ini pula, perlu ditegaskan bahawa ia tidak boleh dianggap sebagai konklusif. Ini adalah hanya sesuatu kajian pendahuluan untuk dijadikan sebagai panduan dalam penyelidikan taraf sosio-ekonomi pekerja-pekerja ladang getah nanti. Jenis-jenis kesulitan masalah kemunduran yang dialami di kedua-dua model kajian pula tidak semestinya sama dengan keadaan di ladang-ladang getah lain. Ini hanya merupakan suatu generalisasi am mengenai taraf sosio-ekonomi golongan pekerja-pekerja ini, berdasarkan kepada penemuan-penemuan kajian latihan ilmiah di kedua-dua model ladang getah sejak 1957 sehingga 1985.

### 1.3 TEKNIK-TEKNIK PENGUMPULAN DATA-DATA

"Teknik" adalah proses mendapat data-data melalui pelbagai cara. Berdasarkan kepada fakta-fakta yang dikumpulkan, suatu generalisasi atau kesimpulan penyelidikan dapat dibentuk. Teknik bagi kajian ini melibatkan kaedah etnografi seperti

pemerhatian-penyertaan, soal-selidik (survey) serta penyelidikan perpustakaan. Maklumat-maklumat ini adalah bersifat kuantitatif serta kualitatif.

Data-data etnografi serta survey adalah primari manakala data-data dari penyelidikan perpustakaan adalah sekunder. Tiap kaedah pula dapat memberi maklumat-maklumat dari aspek-aspek berlainan. Akibat mempunyai kelemahan disamping kebaikan masing-masing, data-data melalui ketiga-tiga kaedah ini telah digabungkan supaya dapat melengkapi satu sama lain. Melalui kombinasi-kombinasi ini, maklumat-maklumat penting keseluruhan untuk kajian ini dapat dikumpulkan.

### 1.3a Etnografi - Pemerhatian Penyertaan

Kaedah ini telah digunakan untuk memperolehi data-data mengenai kebudayaan serta jenis komuniti kajian ini. Akibat dari pertembungan latarbelakang penyelidik-responden-responden berlainan, ini telah mewujudkan beberapa masalah seperti percanggahan personaliti serta etika antara kedua-dua pihak.

Walaupun begitu, kesedaran awal terhadap kemungkinan masalah-masalah ini oleh penyelidik, percanggahan-percanggahan tersebut dapat diatasi melalui proses-proses pergaulan, pemerhatian serta pemahaman mengenai cara hidup komuniti-komuniti itu.

Walau bagaimanapun, data-data yang diperolehi melalui kaedah ini tidak dapat dipercayai secara bulat-bulat kerana tidak konsisten dari "key informants". Bagi mengatasi kontradiksi

ini, proses "cross-checking" dijalankan berserta dengan proses menganalisis data-data yang dikumpulkan.

Kaedah ini yang dianggap penting dalam mengesahkan maklumat-maklumat atau sebagai "monitoring device" juga mempunyai kelemahan-kelemahannya. Ia dikatakan bersifat subjektif apabila wujudnya persepsi-persepsi berbeda antara penyelidik-penyelidik berlainan khasnya antara jantina. Selanjutnya, situasi kajian yang berbeda akan memberi pendapat-pendapat yang berlainan.

Pemerhatian penyelidik pula dikongkong oleh latarbelakangnya. Keadaan kerja lapangan pula sukar dikawal dari gangguan-gangguan kerana ia di luar makmal. Responden-responden pula tidak boleh dimanipulasi manakala kesedaran terhadap kehadiran penyelidik telah menghasilakan tingkahlaku yang tidak "natural". Keadaan ini pula mungkin akan memberi maklumat-maklumat kurang tepat.

Catatan-catatan semasa pemerhatian penyertaan terpaksa ditangguhkan untuk mengelakkan tingkahlaku kekok oleh subjek-subjek kajian. Tangguhan ini mungkin akan menyebabkan keciciran setengah-setengah maklumat penting. Pergaulan yang terlalu mesra dengan komuniti-komuniti kajian terpaksa dielakkan oleh penyelidik yang harus sedar mengenai bahaya perubahan sikap objektifnya kepada sikap subjektif. Usaha ini adalah untuk mengelakkan penulisan yang berat-sebelah nanti.

Maka, dengan kelemahan-kelemahan kaedah ini, ia telah disertai dengan metod-metod survey serta penyelidikan perpustakaan. Tetapi, disebalik kelemahan-kelemahan, ia berperanan penting

untuk mengumpulkan maklumat-maklumat tingkahlaku "bahan-pertuturan" dari responden-responden serta subjek-subjek pemerhatian penyelidik. Pengalaman penyelidikan melalui kaedah ini juga dapat memberi sumbangan dari segi mengkaji masyarakat, responden-responden serta tempat selanjutnya.

Dari segi berinteraksi diantara penduduk komuniti-komuniti ini dengan penyelidik, bahasa-bahasa Melayu serta Mandarin loghat Hokien dipertuturkan.

#### 1.3b Survey - soal selidik

Survey adalah untuk mengemukakan soalan-soalan tertentu kepada bilangan responden-responden terpilih yang mewakili "cross-section" komuniti tertentu dalam jangkamasa singkat (tidak melebihi satu tahun). Dalam kes kajian ini, ia telah meliputi jangka waktu yang kurang dari dua bulan. Dari segi proses-proses listing dan persampelan pula, ia tidak dapat dijalankan akibat bilangan jenis responden-responden yang dikehendaki adalah tidak ramai.

Maka, dijalankan temuduga "trend studies" iaitu mengulangi soalan-soalan sama dalam order sama bagi setiap responden. Dalam jenis soal-selidik ini, rangkaian soalan-soalan sudah ditetapkan dengan kategori-kategori jawabannya secara sistematis.

Melalui kaedah ini, ia dapat membekalkan maklumat-maklumat

deskriptif untuk menjelaskan aspek-aspek sosio-ekonomi penoreh-penoreh getah kaum Melayu serta Cina kini. Berkaitan dengan ini, sifat retrospektifnya dapat menjelaskan kaitan asal-usul fenomena kemunduran dengan aspek-aspek persejarahan. Data-data perbandingan yang diperolehi pula dapat membantu proses menganalisis perubahan mobiliti sosio-ekonomi antara jenerasi ke jenerasi.

Langkah-langkah tertentu telah diambil untuk menghadapi beberapa masalah. Sifat syak wasangka di kalangan komuniti-komuniti kajian telah diatasi dengan bukti surat akuan pihak-pihak berkuasa mengenai motif serta keesahan kajian ini. Jawaban-jawaban kepada persoalan-persoalan sensitif dapat diperolehi apabila diyakinkan terhadap pemeliharaan kesulitan biodata-biodata. Soalan-soalan jenis ini telah diketepikan sehingga bahagian terakhir proses soal-selidik. Penjelasan mengenai soalan-soalan yang kabur pula telah dapat mengelakkan kesalahan intepretasinya oleh responden-responden yang mungkin memberi maklumat-maklumat kurang tepat.

Salah satu daripada kelebihan kaedah ini adalah untuk memungkinkan perbandingan-perbandingan dari jawaban-jawaban dalam bentuk standard. Sifat ini telah memudahkan proses analisis koding segera, menjimatkan masa dan kewangan. Responden-responden pula dibantu menjawab soalan-soalan melalui penyediaan kategori jawaban. Kemudahan ini dapat mengelakkan penyelewengan jenis jawaban-jawaban yang tiada kaitan dengan soalan-soalannya.

Tetapi, bentuk soalan tertutup ini tidak dikecualikan dari kelemahan-kelemahan tertentu. Kategori-kategori jawapan yang banyak boleh mengelirukan serta mendorong responden untuk meneka sahaja. Pendapat sebenar dihadkan oleh pilihan jawaban-jawaban yang disediakan. Kumpulan-kumpulan jawapan yang sempit pula akan mengakibatkan pemberian maklumat yang kurang tepat dan proses mengintepretasikan soalan-soalan mungkin tidak jelas.

Soalan-soalan berbentuk terbuka pula telah digunakan untuk soalan-soalan yang mempunyai kemungkinan jenis jawaban-jawaban yang terlalu banyak untuk dikategorikan. Kebebasan ini adalah bertujuan untuk memberi ruang bagi pendapat-pendapat sebenar tanpa di kongkong seperti dalam isu-isu kompleks.

Sebalik ini pula, bentuk soalan terbuka ini kadangkala terpaksa menghadapi jenis jawaban-jawaban yang menyeleweng atau "irrelevant" dari jenis soalan yang dikemukakan. Jenis-jenis jawaban yang tidak seragam pula menyulitkan analisis perangkaan serta perbandingan. Koding pula menjadi sukar dan subjektif. Jenis soalan-soalan ini dianggap tidak sesuai bagi komuniti yang kurang berpelajaran kerana sukar menjelaskan pendapat mereka nanti. Ini pula akan mengambil masa lama untuk dijawab, mewujudkan kebosanan serta mendorong sikap normatif dari responden. Kecacatan bentuk soalan terbuka ini pula akan memberi kesan buruk terhadap mutu jawaban-jawaban yang diperolehi.



Maka, Dengan kesedaran mengenai kemungkinan-kemungkinan negatif ini, langkah-langkah penting telah diambil sebelum proses soal-selidik iaitu menakutkan responden-responden terhadap biodata mereka sebagai perkara sulit. Seterusnya, semasa soal-selidik, usaha-usaha telah dijalankan untuk memastikan pemahaman soalan-soalan oleh responden-responden. Jawaban-jawaban yang diberi pula adalah dari ketua-ketua keluarga sahaja.

Dari segi etika penyelidikan selanjutnya, jenis-jenis soalan yang mempunyai jawaban-jawaban jelas kepada penyelidik telah diketepikan supaya soalan tersebut tidak akan dipulangkan oleh responden kepada penyelidik. Perbincangan dan bantuan memilih jawaban dari penyelidik telah dielakkan supaya responden-responden tidak dipengaruhi dari jawaban-jawaban mereka yang sebenar atau yang asal.

Maka, dengan gabungan bentuk-bentuk soalan tertutup dan terbuka, bentuk-bentuk soalan yang berlainan dapat dikemukakan. Susunan sifat soalan-soalan yang umum dan sensitif secara kemas telah dapat mengurangkan tindakbalas negatif dari responden-responden melalui langkah-langkah ini, ia telah membantu proses pengumpulan maklumat-maklumat yang lengkap, sah dan tepat.

### 1.3c Penyelidikan Perpustakaan

Melalui kaedah ini, data-data yang berkaitan dengan masalah penyelidikan dapat dikumpulkan iaitu dengan proses analisis

dokumen-dokumen berbentuk sekunder oleh sumber-sumber lain. Ia adalah berbeda dari data-data primari yang diperolehi melalui pengalaman penyelidik. Data-data dari kaedah ini biasanya bersifat "non personal", lebih tersusun dan mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu iaitu memungkinkan analisis sesuatu fenomena dijalankan yang tidak dijalankan melalui kaedah-kaedah lain.

"Non-reactivity" dari sumber asal membolehkan analisis dijalankan tanpa sebarang bantahan khasnya yang mempunyai tujuan-tujuan berbeda dari analisis penyelidik-penyelidik lain. Analisis dokumen-dokumen ini juga dapat membekalkan maklumat-maklumat yang meliputi jangkamasa panjang. Jenis maklumat ini pula dapat memberi gambaran jelas proses-proses perubahan dalam sesuatu komuniti. Sampel kajian yang lebih besar dari data-data ini dapat menguatkan keyakinan terhadap kejituan generalisasi serta perangkaan-perangkaan penting yang diberi. Seterusnya, proses pengumpulan data-data ini dapat menjimatkan kos serta masa apabila dokumen-dokumen yang diperlukan berpusat di sesuatu tempat.

Walau bagaimanapun, di sebalik pertambahan penggunaan kaedah ini dalam sosiologi kini, ia dikatakan sebagai proses yang mungkin merosotkan nilai saintifik kajian oleh kelemahan-kelemahannya. Kewujudan sikap berat-sebelah dalam data-data oleh sumber-sumber lain serta kesalahan-kesalahan analisis sukar diketahui oleh penyelidik-penyelidik lain. Maka, ini

mungkin mengancam ketepatan kesimpulan analisis nanti. Ketidakseimbangan format di kalangan jenis-jenis dokumen berlainan pula sering menyulitkan proses perbandingan.

Tingkhilaku "non verbal" responden-responden tidak dapat dicatatkan melalui kaedah ini sedangkan ini adalah penting dalam penyelidikan. Set-set data perangkaan dalam sejarah komuniti tertentu mungkin sukar diperolehi akibat dihapuskan atau tidak dicatatkan. Ini amat jelas dalam kes kajian di kedua-dua model ladang seperti dari segi asal-usul kewujudan komuniti, kos perumahan dan keluasan dimensi sesuatu unit rumah pekerja. Kaedah ini tidak memungkinkan data-data analisis perbandingannya digunakan kelak kerana keadaan-keadaan perubahan pesat berlaku. Maka, ini terpaksa diubah-suaikan serta diselaraskan dengan perkembangan baru.

Walaupun adanya kelemahan-kelemahan tersendiri, dokumen-dokumen penyelidikan perpustakaan dapat diuji keesahannya melalui perbandingan jenis dokumen sama pada masa berlainan ("instrument reliability") dan perbandingan hasil-hasil dua atau lebih pengkaji-pengkaji pada jangkawaktu sama ("analyst reliability").

#### 1.4 Masalah-masalah Praktikal/ Kesulitan-Kesulitan Kajian

Kesulitan-kesulitan semasa penyelidikan pasti wujud khasnya dalam proses kerja lapangan. Tetapi, ini tidak bererti bahawa sebilangan daripadanya tidak dapat diatasi atau dielakkan.

Penerimaan kehadiran penyelidik oleh komuniti-komuniti ladang getah tidak merupakan suatu masalah di mana beliau dibenarkan menetap di kalangan pekerja-pekerja ladang, bergaul serta melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti harian serta mengunjungi tempat bekerja. Tetapi, wujud tanggapan komuniti ini yang salah mengenai motif kehadiran penyelidik iaitu sebagai pembela nasib kemunduran hidup mereka melalui aduan dalam tulisan penyelidik kepada kerajaan. Maka, proses penjelasan kehadiran penyelidik yang sebenar menjadi sesuatu isu rumit yang sensitif serta mengakibatkan "disilusi", sikap normatif terhadap kajian ini dan perasaan was-was di kalangan setengah-setengah responden.

Tingkahtlaku semulajadi di kalangan subjek-subjek pemerhatian sukar dibezakan dari yang palsu akibat kesedaran motif serta pemerhatian penyelidik. Maka, data-data melalui proses ini sahaja tidak mencukupi untuk mengumpulkan maklumat-maklumat yang jitu.

Setengah-setengah catatan maklumat penting dengan serta-merta tidak dapat dilakukan kerana ia bersifat sensitif seperti proses penjualan-pembelian minuman samsu yang sukar dicatatkan melalui kamera.

Proses pemerhatian-penyertaan dalam semua aspek sosio-ekonomi golongan pekerja ladang-ladang ini sukar kerana dihadkan oleh faktor masa singkat kerja lapangan serta masalah mobiliti penyelidik dari tempat ke tempat akibat masalah pengangkutan.

Teknik survey dengan soal-selidik pula tidak dapat menggunakan hasil pilot survey dalam 1960an. Ini adalah akibat dari perubahan-perubahan radikal yang berlaku dalam tempoh ini seperti kadar penglibatan kaum pekerja Melayu serta Cina di ladang-ladang getah. Akibat daripada kemerosotan pesat bilangan pekerja-pekerja ini, proses-proses listing serta persampelan tidak dapat dijalankan.

Proses soal-selidik pula terpaksa dijalankan pada waktu malam sahaja iaitu masa lapang bagi pekerja-pekerja tersebut. Proses yang lambat ini diperjelaskan lagi apabila masa yang lebih dihabiskan dalam menjelaskan soalan-soalan yang tidak difahami responden-responden serta kesukaran mereka dalam meluahkan pendapat mereka. Kadangkala, ini telah mendorong sikap meneka jawaban dari kategori-kategori yang disediakan serta pemberian jawaban "tidak tahu" bagi bentuk soalan-soalan terbuka.

Akibat sikap yang hanya mementingkan masalah-masalah harian, kekurangan kesedaran mengenai proses-proses kerajaan dalam masyarakat dan kadar buta huruf yang tinggi di kalangan responden-responden, soalan-soalan tertentu seperti politik sukar dijawab.

Walaupun adanya "feedback" mengenai keesahan maklumat-maklumat dari soal-selidik, maklumat-maklumat secara interaksi informal iaitu "buah mulut" tidak dapat dipercayai bulat-bulat serta sukar untuk memastikan kebenarannya. Ini berlaku apabila wujudnya percanggahan maklumat-maklumat tertentu dari responden-

responden dengan yang diberikan oleh jiran-jiran mereka. Ini amat jelas apabila penyelidik cuba memperolehi maklumat mengenai jumlah pendapatan serta harta sesebuah rumahtangga. Biasanya, ini adalah merupakan isu sensitif di kalangan responden-responden Cina.

Gangguan-gangguan luar semasa temuduga sukar dielakkan. Ini adalah kerana wujudnya kekurangan "privacy" di kalangan kawasan "labour lines" dimana responden-responden sentiasa dikelilingi atau dikunjungi oleh jiran-jiran mereka tiap masa. Maka dengan gejala kekurangan "privacy" ini, soalan-soalan sensitif cenderung dijawab secara norminal sahaja oleh responden-responden.

"Feedback" secara buah mulut yang berjaya membuktikan setengah-setengah maklumat palsu oleh responden-responden hanya mempunyai kegunaan terhadap khasnya dari aspek harta milikan. Kesedaran penyelidik terhadap kewujudan pemilihan setengah-setengah harta oleh responden-responden tertentu masih tidak mencukupi kerana penyelidik tidak dapat memperolehi jumlah nilai harta sebenar dari pemiliknya.

Dalam menjawab soalan-soalan berbentuk terbuka pula, seringkali responden-responden memberi jawapan-jawaban menyeleweng dari keperluan persoalan. Maka, ini memerlukan kecekapan penyelidik dalam mengasingkan maklumat-maklumat relevan dengan yang tiada kaitan dengan soalan-soalan.

Data-data persejarahan pula sukar diperolehi kerana tiada simpanan rekod, terhilang atau dihapuskan. Adanya juga data-data seperti jumlah hasil tahunan ladang tidak dapat diperolehi kerana dirahsiakan oleh majikan ladang.

Walau bagaimanapun, masalah-masalah semasa kerja lapangan, khususnya dapat diatasi melalui kombinasi data-data berlainan dari kaedah-kaedah pengumpulan data-data yang berlainan. Ini adalah kerana masing-masing dapat memberi maklumat-maklumat berlainan serta komplimen antara satu sama lain dalam melengkapkan kumpulan data-data penting dan mengatasi kelemahan-kelemahan sesama lain.

NOTA KAKI

1. Rancangan Malaysia Ketiga; "Pertanian, perhutanan, ternakan dan perikanan"; Jabatan Cetak Kerajaan; Kuala Lumpur 1976; m/s 13
2. Ibid; m/s 14
3. Ibid; "Membasmi kemiskinan"; m/s 31
4. Ibid; "Pertanian, Ternakan, Perikanan & Perhutanan"; m/s 333
5. Ibid;
6. Ibid; "Perkembangan & Perubahan Struktur"; m/s 68
7. Ibid; "Kemajuan 1971 - 1975"; m/s 334
8. Ibid;
9. Ibid; "Tujuan & Maklumat Pembangunan Pertanian 1976 - 1980"; m/s 347
10. Rancangan Malaysia Keempat; "Struktur Pekerjaan"; Jabatan Cetak Kerajaan; Kuala Lumpur 1981; m/s 228
11. Ibid;
12. Ibid; "Proses Keseluruhan"; m/s 32
13. Hing, Ai Yun; "Sosiologi Mengenai Kerja & Organisasi"; Jabatan Antropologi & Sosiologi; 30hb Ogos, 1985
14. Op Cit
15. Rancangan Malaysia Ketiga; "Pekerja-pekerja Ladang"; Jabatan Cetak Kerajaan; Kuala Lumpur 1976; m/s 194
16. Ibid; m/s 192
17. Hing, Ai Yun; "Sosiologi Mengenai Kerja & Organasasi - Pembangunan Sains dan Teknologi Di Malaysia"; Jabatan Antropologi & Sosiologi; 30hb Ogos 1985.
18. Rancangan Malaysia Keempat; Jabatan Cetak Kerajaan; Kuala Lumpur 1981; m/s 294



## BAB 2

### Aspek-Aspek Sosial

Bab ini akan menumpukan perhatian ke atas beberapa aspek sosial dalam alam komuniti ini seperti struktur keluarga, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan beberapa institusi sosial yang penting serta mencirikan jenis komuniti berpendapatan rendah ini.

Lokasi model ladang-ladang kajian ini - Ladang Lenga dan Ladang Temiang Rencong (TR) - adalah di bahagian timurlaut bandar Muar, Johor. Jarak diantara pusat bandar dengan Ladang TR adalah lebih kurang 19 batu manakala Ladang Lenga mempunyai jarak yang lebih kurang 27 batu. Tidak semua buruh ladang tersebut menetap dalam kawasan perladangan. "Labour line" Ladang TR mempunyai 26 buah keluarga Melayu, 12 buah keluarga Cina dan 48 buah keluarga India.

Ladang Lenga pula mempunyai golongan pekerja menetap yang lebih kecil dalam "labour line"nya iaitu 7 buah keluarga Melayu, 7 buah keluarga Cina dan 3 buah keluarga India.

#### 2.1 Struktur Kekeluargaan

Semua bentuk keluarga responden adalah jenis nuklear iaitu segolongan manusia yang bersaudara menetap bersama. Mereka ini terdiri daripada sepasang suami-isteri serta anak-anak mereka. Adakalanya, bentuk keluarga ini disertai oleh ibu dan/atau bapa ketua keluarga atau dari pihak isterinya.

Bentuk keluarga gabungan pula sukar dipraktikkan kerana dihalang oleh kesesakan corak rumah, jumlah pendapatan rendah dan pemilikan harta terhad.

Ahli-ahli dalam sesuatu keluarga responden, secara puratanya adalah seramai 7 orang. Saiz keluarga 5 orang adalah bilangan keluarga yang tertinggi iaitu 18%.

2.1a Saiz keluarga responden-responden

Bilangan Ahli	Bilangan Keluarga	Peratus (%)
2	1	2
3	3	6
4	4	8
5	9	18
6	8	16
7	5	10
8	8	16
9	6	12
10	3	6
11	1	2
12	2	4
Jumlah	50	100

Anak-anak yang sudah berumahtangga biasanya tidak tinggal dalam rumah yang sama. Corak petempatan mereka pula adalah "patrilocal" iaitu dalam kawasan tempat tinggal sama dengan ibubapa pihak lelaki. Jika salah seorang atau kedua-dua pengantin baru tersebut adalah buruh ladang tersebut, majikan biasanya akan memberi rumah berasingan untuk kediaman pasangan tersebut.

Anak-anak yang masih belum berumahtangga pula jarang berhijrah keluar dari kawasan perladangan untuk mencari rezeki. Ini adalah kerana sudah menjadi satu kelaziman bagi ahli-ahli sesuatu keluarga untuk melibatkan diri dengan perkerjaan-perkerjaan di ladang apabila majikan dapat menyerapkan tenaga buruh mereka. Maka, keperluan berhijrah keluar mencari rezeki tidak akan timbul.

Walaupun kedudukan sosio-ekonomi mereka dalam masyarakat tidak banyak berubah sejak 1957, struktur-struktur perkahwinan, peranan agama dan suami-isteri memperlihatkan perubahan-perubahan. Struktur kewibawaan pula tidak berubah dalam sistem kekeluargaan di mana ia masih dikuasai oleh pihak suami walaupun sumbangan wanita dalam kegiatan-kegiatan ekonomi menjadi semakin penting. Dari kajian lapangan, didapati keadaan ini adalah akibat dari kewujudan beberapa fenomena yang masih berlanjutan:-

Nilai dan kebudayaan tradisional mengenai konsep kewibawaan masih kuat mengkongkong persepsi komuniti ini - wanita dikehendaki "submisif" serta sentiasa didahului oleh lelaki.

Masalah penindasan dari majikan biasa menimbulkan tekanan-tekanan psikologi dimana perasaan kekecewaan serta kemarahan terpaksa terpendam dalam pekerja-pekerja kerana bimbang akan dibuang kerja. Maka, ahli-ahli

keluarga menjadi mangsa kepada perletusan perasaan-perasaan agresif tersebut. Kadar "wife & children battery" di ladang semakin meningkat. Puncanya biasa berasal dari masalah penindasan.

Fenomena kewibawaan dalam tangan lelaki sudah lama wujud sehingga dianggap sebagai satu kebiasaan. Kanak-kanak disosialisasikan untuk memperlihatkan pola-pola peranan yang sesuai dengan jantina mereka. Berdasarkan kepada perbezaan fisiologi lelaki-perempuan seseorang wanita dikehendaki berperanan sebagai isteri, ibu, melahirkan anak, pekerja rumah, ketua keluarga apabila bercerai atau suami meninggal dunia, buruh dan ahli masyarakat.

Proses sosialisasi kanak-kanak juga dipengaruhi oleh aspek kewibawaan. Alam sekeliling ladang memainkan peranan penting untuk membentuk peribadi yang submisif, mudah dikawal serta merendahkan diri. Dengan ciri-ciri ini, golongan bawahan ini mudah menjadi mangsa penindasan oleh majikan dan masyarakat.

Sosialisasi kanak-kanak biasa terancam apabila mereka terpaksa diabaikan tiap hari oleh ibubapa yang terpaksa bekerja.

Maka, kanak-kanak berumur antara 2 bulan hingga 6 tahun diserahkan kepada pusat menjaga kanak-kanak ("crech") manakala istilah tempatan adalah "kandang" yang disediakan majikan.

"Kandang" ini hanya berfungsi untuk menjaga kanak-kanak semasa ibubapa bekerja tetapi bukan untuk mendidik secara sistematis kanak-kanak tersebut. Pengabaian pemupukan proses kognitif pada tahap terpenting seseorang kanak-kanak (antara umur 1 - 5 tahun) akan melemahkan persediannya menghadapi sistem persekolahan nanti.

Oleh kerana keadaan sesak, kotor dan terbiar di "kandang", ibubapa lebih cenderung melatih anak-anak perempuan yang lebih besar mengambilalih peranan ibu bagi menjaga adik-adik yang kecil di rumah. Kanak-kanak perempuan ini biasanya diberhentikan proses persekolahan mereka. Jika tidak diberhentikan, mereka biasa akan menghadapi masalah keciciran kerana kesingkatan masa untuk menumpu perhatian pada pelajaran mereka.

Perkembangan yang terlalu cepat dari seorang kanak-kanak kepada seorang dewasa adalah fenomena yang tidak sihat kerana ia memaksa seseorang kanak-kanak untuk memikul tanggungjawab yang berat sebelum bersedia untuk menghadapinya.

Dari segi tempoh penetapan di ladang-ladang pula, ramai responden-responden yang telah menetap untuk jangka masa yang agak panjang. Segolongan kecil yang baru berpindah masuk biasanya berasal di kawasan perladangan yang lain.

Tempoh Di Ladang Semasa (tahun)	Bilangan Responden	Peratus
1. 6	10	20
2. 7 - 12	6	12
3. 13 - 18	10	20
4. 19 - 24	16	32
5. 25	8	16
Jumlah	50	100

Golongan 1 adalah dari keluarga yang berpindah dari ladang-ladang asal kerana tidak puashati dengan keadaan-keadaan tertentu. Ada juga yang telah diberhentikan dari kerja apabila majikan tidak memerlukan jumlah tenaga buruh banyak selaras dengan proses penggantian tanaman kelapa sawit dengan tanaman getah.

Golongan-golongan 2 dan 3 pula berpindah masuk dari kawasan-kawasan perladangan kini dan telah membuat keputusan untuk menetap sehingga masa bersara.

Golongan 4 dan 5 pula adalah bilangan teramai dimana mereka telah bekerja untuk tempoh lama di ladang-ladang ini. Walaupun begitu, mereka sering bimbang terhadap ketiadaan jaminan tempat tinggal selepas bersara kerana majikan tidak menyediakan kemudahan perumahan untuk pekerja-pekerja bersara walaupun sudah lama menetap di "labour line". Untuk menyelesaikan masalah ini mereka mengharapkan supaya ahli-ahli keluarga yang lebih muda dapat meneruskan sumbangan tenaga buruh

kepada ladang tersebut. Ini akan memberi mereka kelayakan untuk meneruskan penetapan mereka. Proses penyambungan jenis pekerjaan ini dari jenerasi ke jenerasi biasanya menghalang pembesaran individu dari kehidupan perladangan yang mundur.

Dari aspek institusi sosial seperti perkahwinan pula, 92% daripada responden-responden ini berasal dari pekan atau bandar yang sama dengan isteri masing-masing. Semua pasang suami-isteri pula tidak mempunyai perhubungan darah sebelum berkahwin tetapi mempunyai kedudukan sosio-ekonomi yang sama.

Kehidupan harian sesuatu keluarga biasanya bermula dari 5.30 pagi apabila suami-isteri serta anak-anak mereka bersiap-sedia untuk menoreh getah. Walaupun anak-anak tersebut mempunyai persekolahan pada waktu petang, mereka dikehendaki bekerja disamping ibubapa mereka sehingga tengahari tiap hari. Proses harian ini menghalang tumpuan yang diperlukan untuk kerja-kerja sekolah. Selepas tengahari pula, banyak keluarga yang mempunyai kerja-kerja sambilan untuk menambah jumlah pendapatan keluarga. Pada waktu petang pula, masa senggang dihabiskan dengan berbual-bual kosong, mendengar radio dan menonton televisyen atau video. Kanak-kanak sekolah turut sama dalam penggunaan masa senggang ini bersama-sama ibubapa dan biasanya akan melalaikan pelajaran sekolah. Pada pihak ibubapa pula, mereka bersikap pasif dalam memberi

galakan kepada anak-anak mereka supaya bertekun dalam pelajaran sekolah. Proses ini akan berulang hari demi hari tanpa sebarang usaha untuk membebaskan diri ataupun jenerasi yang lebih muda dari kemunduran penghidupan di ladang.

## 2.2 Kemudahan-kemudahan Infrastruktur

Kemudahan-kemudahan air, letrik, relueasi dan jalanraya di estet-estet akan dibincangkan kerana bentuk-bentuk kemudahan ini lazim disediakan oleh pihak majikan. Walau bagaimanapun, kesempurnaannya masih boleh dipersoalkan. Menurut Rancangan Pembangunan Kampung dalam 1970an, kadar kemiskinan sesuatu komuniti dapat diukur melalui faktor-faktor seperti bekalan air, letrik, jenis jalanraya dan kemudahan-kemudahan sosial lain seperti kesihatan serta pendidikan.

Kemudahan air disediakan dengan percuma. Air dipam dari sebuah kolam terempang di atas bukit lalu disalurkan kepada kawasan perumahan di ladang. Pada musim kering, pembekalan air adalah terhad manakala pada musim hujan, airnya pula berlumpur. Pusat paip air yang besar hanya membekalkan air setiap hari selama dua jam sahaja iaitu diantara pukul 3 - 4 petang dan 7 - 8 malam. Keluarga-keluarga biasa menyimpannya dalam bekas besar untuk pelbagai keperluan domestik.

Walaupun pembekalan air tersebut adalah percuma tetapi cara ini biasa mewujudkan masalah kesihatan dimana air yang kotor



biasa menyebabkan penyakit-penyakit taun dan cirit-birit. Kolam yang terdedah itu senang dicemari dengan pelbagai kotoran. Air ini pula tidak dicampuri dengan bahan kimia klorin untuk sesuai bagi kegunaan oleh manusia.

Menurut Laporan SERU dalam 1981, sebanyak 30% daripada ladang-ladang yang tidak mendaftar diri dibawah NUPW masih tidak ada bekalan air paip. Seterusnya, walaupun majikan bersedia untuk membekalkan air percuma kepada komuniti pekerja-pekerjanya, ini tidak bermakna bahawa sumber pangairannya memuaskan. Kolam itu terdedah kepada pelbagai pencemaran yang akan mengancam kesihatan.

Pada tahun 1981, SERU melaporkan bahawa 70% daripada ladang-ladang masih tiada pembekalan letrik seperti di Ladang Lenga. Hanya segolongan kecil keluarga sahaja yang mampu menggunakan kuasa jenerator" manakala yang lain pula terpaksa menggunakan lampu gas serta lampu pelita pada waktu malam. Bentuk relueasi tontonan televisyen pula terpaksa menggunakan kuasa "bateri-kereta". Ketiadaan kemudahan ini mempunyai banyak implikasi yang buruk kepada komuniti ini. Tenaga kuasa dari berbagai sumber ini adalah lebih mahal secara relatifnya dengan kos letrik. Penggunaan lampu gas serta pelita adalah merbahaya di mana ia sering mengakibatkan kebakaran rumah jika cuai menggunakannya. Kanak-kanak sekolah pula tidak mendapat galakan untuk tabiat membaca kerana cahaya lampu-lampu tersebut adalah tidak cukup terang. Dengan ketiadaan letrik pula,

biasa menyebabkan penyakit-penyakit taun dan cirit-birit. Kolam yang terdedah itu senang dicemari dengan pelbagai kotoran. Air ini pula tidak dicampuri dengan bahan kimia klorin untuk sesuai bagi kegunaan oleh manusia.

Menurut Laporan SERU dalam 1981, sebanyak 30% daripada ladang-ladang yang tidak mendaftar diri dibawah NUPW masih tidak ada bekalan air paip. Seterusnya, walaupun majikan bersedia untuk membekalkan air percuma kepada komuniti pekerja-pekerjanya, ini tidak bermakna bahawa sumber pangairannya memuaskan. Kolam itu terdedah kepada pelbagai pencemaran yang akan mengancam kesihatan.

Pada tahun 1981, SERU melaporkan bahawa 70% daripada ladang-ladang masih tiada pembekalan letrik seperti di Ladang Lenga. Hanya segolongan kecil keluarga sahaja yang mampu menggunakan kuasa "generator" manakala yang lain pula terpaksa menggunakan lampu gas serta lampu pelita pada waktu malam. Bentuk relueasi tontonan televisyen pula terpaksa menggunakan kuasa "bateri-kereta". Ketiadaan kemudahan ini mempunyai banyak implikasi yang buruk kepada komuniti ini. Tenaga kuasa dari berbagai sumber ini adalah lebih mahal secara relatifnya dengan kos letrik. Penggunaan lampu gas serta pelita adalah merbahaya di mana ia sering mengakibatkan kebakaran rumah jika cuai menggunakannya. Kanak-kanak sekolah pula tidak mendapat galakan untuk tabiat membaca kerana cahaya lampu-lampu tersebut adalah tidak cukup terang. Dengan ketiadaan letrik pula,

perkakas-perkakas rumah seperti kipas, peti air dan sebagainya tidak dapat digunakan. Secara psikologi, ini boleh mendorong kewujudan konsep diri yang rendah di kalangan komuniti ini.

Di Ladang TR pula, bekalan elektrik dapat dinikmati oleh pekerja-pekerjanya tetapi ia hanya dibekalkan selama 5 jam setiap malam iaitu antara 7 - 12 malam. Ini juga mempunyai implikasi buruk khasnya kepada kanak-kanak sekolah apabila masa untuk pembacaan dihadkan dalam tempoh tersebut manakala pembacaan selanjutnya terpaksa diberhentikan atau terpaksa menggunakan cahaya lampu gas dan pelita. Pembekalan elektrik ini adalah tidak percuma di mana buruh-buruh ladang dikenakan bayaran bulanan mengikut kadar penggunaannya. Walau bagaimanapun, bekalan elektrik ini adalah percuma bagi pihak pengurusan serta dibekalkan selama 24 jam tiap hari. Maka, ini memperlihatkan diskriminasi yang jelas di mana buruh-buruh yang mempunyai taraf pendapatan yang lebih rendah, dikenakan bayaran pula. Diskriminasi ini sering menimbulkan perasaan tidak puashati di kalangan buruh.

Dari segi kemudahan tertentu dari rekreasi seperti upacara-upacara serta perayaan-perayaan keagamaan antara kaum-kaum, pembinaan kuil-kuil Hindu, tokong Cina dan surau dibenarkan. Kadangkala, pembinaan tempat-tempat pemujaan ini bergantung kepada jumlah penganut-penganut yang mencukupi untuk melibatkan diri. Upacara perkahwinan biasa diadakan di kawasan-kawasan ini dan kenduri yang diadakan biasanya melibatkan seluruh

komuniti ladang.

Dewan komuniti pula biasa dibina untuk tujuan-tujuan pertunjukan wayang gambar, pertunjukan kebudayaan dan mesyuarat-mesyuarat persatuan sekerja dimana rundingan majikan - pekerja diadakan. Walaupun dewan ini disediakan tetapi tiada sebarang peyelenggaraan kebersihan kawasan ini. Maka, ia dalam keadaan buruk setelah sesuatu tempoh yang lama.

Dari segi rekreasi wayang gambar pula di ladang-ladang getah, ia telah merosot dari 46% kepada 28% dalam tempoh 1977 - 1980, menurut Laporan Kementerian Buruh dalam 1980. Ramai penduduk ladang masih tidak dapat menikmati sebarang bentuk relueasi yang baik. Maka, kegiatan-kegiatan masa senggang paling lazim ialah mendengar radio, berbual kosong dan menonton televisyen (90% keluarga responden mempunyai televisyen sebagai bentuk rekreasi terpenting).

Padang permainan bola dan arena badminton atau sepak takraw adalah kawasan-kawasan utama untuk bersukan. Walau bagaimanapun ia hanya digunakan oleh sebilangan kecil pekerja-pekerja lelaki sahaja. Ini adalah kerana akibat kekurangan galakan dari majikan untuk pekerja-pekerja bersukan serta mengadakan pertandingan antara ladang-ladang serta menganggap diri sudah cukup 'bersukan' selepas membanting tulang sepanjang hari. Tradisi kebudayaan pula tidak menggalakkan penglibatan dan pergaulan golongan wanita dengan lelaki dalam arena

sukan. Maka, didapati tiada semangat bersukan yang kuat di kalangan penduduk-penduduk ladang ini.

Pengangkutan bas awam adalah jenis pengangkutan yang paling lazim dinaiki oleh penduduk-penduduk ini khasnya kanak-kanak ke sekolah-sekolah di Pekan Pagoh. Sistem pengangkutan ini adalah memuaskan. Walau bagaimanapun, majikan ladang biasanya tidak menyediakan jenis jalan yang baik menghubungkan "labour lines" dengan jalan awam yang kira-kira mempunyai jarak sejauh dua batu. Jenis jalan laterait, kawasan berdebu semasa musim kering serta berlecek dalam musim hujan, jarak jauh ke perhentian bas awam di luar ladang dan kawasan jalan yang berbukit-bukau terpaksa dihadapi oleh kanak-kanak sekolah setiap hari dan komuniti ladang amnya yang berjalan kaki ke perhentian bas di luar ladang. Sudah menjadi satu kelaziman untuk tolong-menolong oleh pemandu-pemandu bermotosikal atau berkenderaan untuk menumpang sesiapa yang berjalan kaki semasa melalui mereka di sepanjang jalan laterait tersebut.

Tiada jalan yang sesuai menghubungkan kawasan-kawasan pokok-pokok getah di cerun-cerun bukit. Lorong-lorong yang wujud hasil dari lalu-lintas penoreh-penoreh getah tiap hari adalah sempit, berlumpur dan mengelilingi teres-teres di cerun bukit. Lorong-lorong ini yang sempit serta lecek pada musim hujan adalah merbahaya khasnya apabila penoreh getah terpaksa memikul tong-tong getah yang penuh, melalui cerun-cerun tersebut. Adakah keadaan tempat kerja seperti ini dalam

keadaan selamat untuk pekerja-pekerjanya?

### 2.3 Kemudahan Perkhidmatan Kesihatan & Keselamatan

WHO mendefinisi "Kesihatan" di sini merujuk kepada keadaan yang baik dari segi emosi, mental dan fizikal manusia. "Keselamatan" pula yang berkait rapat dengan kesihatan merujuk kepada keadaan yang terlindung dari anasir-anasir merbahaya untuk petempatan manusia di alam perladangan yang agak terpencil lokasinya.

Mengenai kesihatan, timbul beberapa persoalan:-

- Adakah pekerja-pekerja mengalami kesihatan baik dari segi emosi, fizikal, mental?
- Adakah kemudahan-kemudahan kesihatan yang dibekalkan majikan lengkap?
- Adakah kekerapan lawatan doktor hospital estet tertentu memuaskan?

Menurut Undang-undang Buruh Malaysia, pihak majikan ladang dikehendaki memberi beberapa kemudahan kesihatan seperti mengambil langkah mencegah penyakit malaria, menyediakan pengangkutan ke hospital di luar ladang untuk buruh-buruh sakit serta menanggung pembiayaannya. Lazimnya, pembantu hospital akan ditugaskan untuk menyelia kebersihan sekeliling ladang.

Penyakit-penyakit lazim di komuniti ladang adalah seperti

kekurangan zat makanan dari segi protin serta vitamin A. Ini telah mengakibatkan "night blindness", kecacatan pertumbuhan fizikal dan "anaemia" dimana golongan wanita adalah mangsa yang lazim sekali.

Akibat keadaan perumahan yang buruk tanpa usaha-usaha memperbaikinya, keadaan sekeliling yang kotor serta sesak, penyakit kulit seperti "scabies" dan penyakit pernafasan seperti "asthma" adalah juga lazim.

Tanpa pemakanan yang bersih pula, ia akan memberi penyakit "gastro-intestinal" seperti "diarrhoe", "typhoid" dan "dysentery".

Wujud sejenis penyakit yang lebih kompleks yang berpunca dari masalah tekanan psiko-sosial iaitu alkoholisme. Dalam kempen anti-samsu pada 1975, dilaporkan bahawa seramai 40,000 pekerja dapat meminum 50,000 gelen samsu tiap hari. Walaupun sudah 10 tahun sejak kempen tersebut, masalah penyakit ini masih sukar dihapuskan serta masih berleluasa di ladang-ladang. Ini adalah kerana samsu masih mudah diperolehi, tiada bentuk-bentuk rekreasi lain yang memuaskan, memperkuat tenaga fizikal dan sebagai escapisma dari tekanan kesulitan-kesulitan hidup di kalangan buruh-buruh ini.

Maka, ini dapat menjawab persoalan mengenai kesihatan emosi, fizikal dan mental pekerja-pekerja bawahan ini. Dari segi

emosi, biasanya mereka tidak stabil serta mengikut arahan dari majikan tanpa sebarang persoalan. Dari segi fizikal dan mental pula, kaki-kaki botol dipengaruhi secara negatifnya oleh perminuman samsu, todi dan bir yang berlebihan tiap hari. Kedai todi seperti di Ladang TR adalah dijalankan oleh pihak majikan di mana sebahagian keuntungannya disalurkan kepada tadika ladang. Walaupun saluran ini menguntungkan kanak-kanak tetapi kesan jualannya kepada penagih-penagih tersebut adalah buruk. Pada pihak majikan, mereka menyokong penjualan ini kerana menguntungkan manakala penagih-penagih pula menganggapnya sebagai sumber penting membekalkan tenaga fizikal, escapisme dan bentuk relueasi yang baik. Pengetahuan mengenai akibat-akibat fizikal yang buruk dari peminuman berlebihan ini biasanya tidak diambil berat kerana ketagihan ini dianggap sebagai sesuatu kelaziman di ladang-ladang serta diterima oleh komunitinya.

Dari segi kebersihan alam sekeliling pula, ia kurang memuaskan. Longkang-longkang serta parit-parit besar tidak dibersihkan dan selalu ditakungi air yang menggalakkan pembiakan nyamuk semak samun di sekeliling perumahan pula jarang disembur dengan ubat-ubat nyamuk, dibersihkan dan dibakar. Keadaan seperti ini biasa menjadi punca utama kepada penyakit kudis, taun dan malaria.

Di ladang Lenga pula, tiadanya sistem pembetungan najis. Jamban berlubang diamalkan. Pondok-pondok yang masih dapat



digunakan terpaksa dikongsi oleh banyak keluarga. Kotoran dilepaskan ke dalam longkang manakala tiadanya kemudahan sumber air bagi membersihkan longkang ini yang penuh dengan najis serta hinggapan lalat-lalat. Jamban-jamban ini yang terletak jauh dari kawasan "labour line" merupakan sesuatu kesulitan pada waktu malam untuk digunakan akibat jarak jauh serta dalam keadaan gelap-gelita. Sistem pembetungan najis yang baik masih tidak dititikberatkan di mana tiada usaha-usaha untuk memperbaiki alam sekitar dan mutu kehidupan penduduk-penduduknya.

Kemudahan peralatan di hospital ladang masih tidak lengkap seperti bekas oksigen, katil-katil pesakit, pakar perubatan, bilik pembedahan mikro, suntikan dan sebagainya. Tambahan pula, pesakit-pesakit biasa menghadapi masalah "malingering" di mana mereka yang tidak berupaya bekerja akibat kesakitan, tidak akan dibayar upah pada hari tersebut kerana kesakitannya enggang disahkan oleh pegawai perubatan di ladang.

Lawatan dresser ke ladang sekali tiap minggu dan doktor sebanyak sekali tiap bulan adalah tidak mencukupi kekerapannya. Pekerja-pekerja yang tercedera parah terpaksa dihantar ke klinik di pekan manakala yang tercedera ataupun sakit, sukar dirawat kerana masa lawatan yang jarang serta tidak strategik oleh pegawai-pegawai perubatan ini.

Walaupun Undang-undang Buruh telah dikuatkuasakan sejak

1920an, kemudahan-kemudahan hospital ladang masih adalah terhad. Sejak 1957, kerajaan telah membina klinik-klinik serta hospital-hospital luarbandar supaya ini dapat digunakan oleh penduduk-penduduk di kawasan-kawasan tersebut. Menurut Laporan Distribusi Kemudahan-kemudahan di ladang-ladang Semenanjung Malaysia pada 1979 pula sebanyak 70% hospital ladang-ladang masih tidak didaftarkan di bawah Akta Hospital Swasta.<sup>1</sup> Penyibaran kemudahan-kemudahan ini dapat dijelaskan dalam "Epidemiology of Encemic Diseases In the Plantations in Peninsular Malaysia" oleh Eddy Lo.

2.3a<sup>1</sup> Distribution of Health Facilities/Resources for Estates In Peninsular Malaysia 1979

Ladang	Total Number Population	Health Facilities				
		Hospital	VMO HA	RMO	HA	Others
Rubber	295,964	44	333	91	159	FAB 26 MW
Others						3 Others
Total	497,602	76	554	138	266	

VMO - Visiting Medical Officer  
 HA - Hospital Assistant  
 FAB - First Aid Base  
 MW - Midwife  
 RMO - Resident Medical Officer  
 GHS - Group Hospital Service

Total Number Rubbers Estates: 171,769

Didapati komuniti ini masih was-was mengenai keupayaan perubatan moden berbanding dengan perubatan tradisional. Faktor kewangan terhad juga menghalang perkhidmatan perubatan yang lebih baik mutunya walaupun kos perkhidmatan ini yang disediakan oleh kerajaan secara relatifnya murah (berbanding dengan swasta). Daripada jumlah 238 orang bagi yang dilahirkan dikedua-dua ladang ini sejak 1950, 56% daripada jumlah ini adalah dilahirkan melalui perkhidmatan bidan yang lebih dipercayai kecekapan mereka.

Dari segi keselamatan pula, lokasi tangki asid amonia yang berhampiran dengan "labour line" amat merbahaya. Letusan yang berlaku telah mencederakan kanak-kanak yang bermain berdekatan. Perletakan rumah asap yang berdekatan pula mengakibatkan pencemaran udara. Apabila getah mula dihasilkan dalam bentuk cecair, rumah asap telah ditutup dalam 1980 tetapi pengabaian kebersihan di sekitarnya telah menyebabkan air bertakung yang menggalakkan pembiakan jentik-jentik nyamuk.

Ketenteraman di ladang biasanya dikawal oleh pihak majikan yang menjadi "orang tengah" dalam sebarang pertelingkahan, pergaduhan dan perselisihan faham. Walaupun begitu, tiada ada sistem keselamatan yang dapat melindungi komunitinya dari anasir-anasir luaran dimana petempatan buruh adalah terpencil lokasinya.

Dari segi keselamatan pekerja-pekerja di kawasan pekerjaan mereka, ia masih tidak memuaskan. Akibat kejahilan pekerja-pekerja mengenai kesan-kesan buruk setengah-setengah racun kimia seperti "paraquat" serta sikap cuai, pekerja-pekerja yang terdedah kepadanya biasa menerima kecacatan fizikal yang buruk apabila berlakunya kemalangan. Jelas sekali bahawa kebajikan kesihatan dan keselamatan pekerja-pekerja bawahan ini sering diabaikan oleh majikan.

#### 2.4 Perumahan

Menurut Akta Taraf Perumahan Minima Pekerja, 1966, majikan ladang dikehendaki mengikut beberapa syarat dalam kemudahan perumahan buruh-buruh. Luas lantai sesuatu rumah adalah 260' per segi untuk 5 orang. Dalam 1980, hanya 69% tenaga buruh ladang getah negara-negara ini yang menerima kemudahan perumahan dari majikan.<sup>2</sup>

Walaupun kemudahan ini disediakan secara percuma oleh pihak majikan ladang, ia wujud setakat hanya memenuhi syarat-syarat yang dikenakan sahaja. Rumah-rumah yang dibina sejak zaman kolonial tidak diselenggarakan, diperbaiki atau diganti dengan rumah-rumah baru apabila rumah-rumah lama menjadi buruk. Rumah-rumah lama ini dibina secara berderetan. Satu rumah pula dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu :-

1. Bilik tamu/ bilik tidur
2. Bilik mandi
3. Bilik makan/ dapur

Rumah-rumah Ladang Lenga adalah binaan dalam zaman kolonial. Rumah-rumah ini dicat hijau tua, atapnya berzink dan dindingnya berpapan. Setiap yunit perumahan (2 buah rumah) adalah untuk kediaman dua buah keluarga. Keadaan rumah-rumah ini tiada bersiling manakala atap dan dindingnya berlubang.

Usaha-usaha memperbaiki keadaan tempat tinggal ini biasanya dijalankan oleh penghuni-penghuninya. Jahitan kain-kain guni dijadikan sebagai siling manakala dinding berlubang ditampal dengan kepingan-kepingan kayu. Banyak rumah-rumah ini terbiar apabila banyak keluarga-keluarga penoreh getah ladang berpindah keluar. Kini, majikan membenarkan sebuah keluarga untuk mendiami satu yunit perumahan.

Rumah-rumah labour line Ladang TR pula ada pelbagai jenis yang dibina dalam masa-masa berlainan. Bentuk rumah papan terawal adalah binaan dalam 1958 manakala rumah-rumah jenis Melayu dibina dalam 1967. Tempat kediaman buruh dan tempat kediaman pihak pentadbiran diasingkan kerana majikan tidak menggalakkan pergaulan mesra. Tujuan pengasingan ini adalah untuk menegas perbezaan kedudukan-kedudukan di ladang. Pengasingan kawasan-kawasan perumahan ini biasa menimbulkan prejudis diantara kedua-dua golongan ini kerana jarang bergaul serta bersefahaman antara sesama. Penegasan perbezaan kedudukan ini biasa mewujudkan sifat merendahkan diri serta sinis dikalangan buruh terhadap berbagai bentuk pentadbiran dalam mahupun di luar ladang. Bagi pihak keluarga-keluarga pengurusan pula, majikan berpendapat bahawa pergaulan mesra

antara kedua-dua pihak akan menghapuskan kewibawaan pihak pengurusan ke atas golongan buruh. Pengasingan ini biasa menggalakkan perasaan syak wasangka mengenai kejujuran sikap keluarga-keluarga buruh oleh pihak keluarga-keluarga pengurusan ladang.


Menurut Daniel, JR, syarat-syarat corak perumahan Akta Taraf Perumahan Minima Pekerja, 1966 adalah tidak mencukupi untuk memberi keadaan tempat tinggal selesa kepada penghuni-penghuni nya.<sup>3</sup> Oleh kerana dimensi rumah yang sempit secara relatifnya untuk sesuatu keluarga yang melebihi lima orang ahli serta pembinaan rumah-rumah yang terlalu berdekatan sesama lain, timbul masalah-masalah kesesakan dan "lack of privacy".

Menurut Peter Townsend<sup>4</sup> pula, perumahan untuk pekerja-pekerja akan memberi kesan-kesan negatif kepada peribadi yang pasif. Keadaan rumah yang buruk pula sering menyebabkan penyakit kulit dan asthma. Akibat kesesakan, kanak-kanak lebih bermain di luar rumah dimana ibubapa sukar untuk mengawasi aktiviti-aktiviti mereka termasuknya proses pembelajaran pelajaran sekolah. Ini secara tidak langsung akan menyebabkan keciciran di sekolah. Kanak-kanak sekolah pula tidak mempunyai kawasan dan keadaan sunyi untuk belajar kerana aktiviti-aktiviti menonton televisyen, makan, berbual dan sebagainya oleh ahli-ahli keluarga adalah dalam bilik yang sama dan sempit.

Akibat pembinaan rumah-rumah yang terlalu berdekatan, timbul pula masalah pencemaran bunyi. Ini selanjutnya mungkin mengganggu masa tidur seseorang. Iubapa yang kekurangan tidur akibat pencemaran bunyi tersebut biasanya dalam keletihan yang menghalang mereka untuk menggalakkan pelajaran anak-anak mereka serta pemeliharaan sistem kekeluargaan yang kuat.

Faktor kesesakan juga memaksa penghuni-penghuninya mengguna bilik-bilik dapur dan tamu sebagai bilik tidur. Masalah kesesakan ini juga sering mengakibatkan masalah-masalah lain seperti kesihatan dan ketiadaan tempat sesuai serta terasing untuk perhubungan seks suami-isteri tanpa diperhatikan oleh ahli-ahli keluarga yang lain.

2.4a<sup>5</sup> Pelan Rumah Buruh Ladang-Ladang Kajian



2.5 Pendidikan

Masalah keciciran adalah biasa dikalangan kanak-kanak sekolah dari komuniti buruh ladang. Kanak dari sekolah vernakular

Cina biasanya menghadapi kelemahan penguasaan Bahasa Mal. walaupun telah melalui klas peralihan. Secara amnya, wujud beberapa sebab terhadap pencapaian kecemerlangan pelajaran rendah :-

- i) Faktor pemakanan, kesihatan dan kandungan zat yang tidak seimbang. Kekurangan kalori, kalsium, protin, zat besi dan 'riboflavin' dalam makanan sering mencacatkan proses pembesaran serta perkembangan kanak-kanak.
- ii) Takap pendidikan formal yang rendah serta kekurangan kesedaran mengenai kepentingan persekolahan dikalangan ibubapa tidak dapat mewujudkan semangat belajar. Maka, dalam alam sekeliling rumah, kanak-kanak jarang mendapat dorongan untuk mementingkan pelajaran.
- iii) Guru-guru sekolah kurang keyakinan terhadap prestasi murid-murid ini. Prejudis serta generalisasi ini menghalang guru-guru untuk mendorong murid-murid berusaha dalam pelajaran supaya bersikap lebih positif serta bercita-cita tinggi.

Sebahagian besar komuniti buruh ini tidak menggunakan peluang-peluang kemudahan persekolahan untuk menjadikannya kunci membebaskan jenarasi muda dari kongkongan hidup perladangan. Alam perladangan sejak zaman kolonialisme telah berjaya membentuk peribadi buruh-buruhnya yang kurang beraspirasi, kurang bersungguh-sungguh, mudah berputus asa serta tenggelam dalam "budaya miskin".



Walaupun ada interaksi mesra diantara kaum-kaum buruh berlainan tetapi masing-masing masih memelihara semangat kebudayaan.

Sekolah vernakular Tamil di ladang mempunyai 99.8% kanak-kanak kaum India. Manakala untuk kanak-kanak Melayu serta Cina akan menghadiri sekolah-sekolah kebangsaan dan jenis kebangsaan masing-masing walaupun jarak sekolah-sekolah tersebut adalah jauh. Kanak-kanak Cina pula cenderung untuk bergaul sesama diri dalam dan di luar sekolah. Ini akan berlanjutan ke sekolah menengah dimana mereka kurang mendedahkan diri kepada perbualan dalam bahasa Melayu. Ini adalah salah satu faktor penting kepada masalah penguasaan Bahasa Malaysia di kalangan kanak-kanak Cina.

Ibubapa jarang memberi pengukuhkan intelektual kepada anak-anak serta tidak ada rancangan masa depan untuk kanak-kanak tersebut. Tiada juga organisasi yang dapat merevolusikan mental golongan ini. Sikap fatalisme sering dicerminkan oleh kekurangan minat dan motivasi terhadap kepentingan-kepentingan pelajaran sekolah, fungsi perpustakaan, bilik bacaan dan suratkhbar. Kanak-kanak yang tercicir di peringkat sekolah menengah rendah akan memberhentikan persekolahan mereka. Apabila sampai umur 16 tahun, mereka akan menjadi penoreh-penoreh getah bergaji penuh. Dalam beberapa tahun kemudiannya, mereka akan berumahtangga serta menetap di ladang. Proses ini akan diwarisi kemudiannya oleh jenerasi-jenerasi yang lebih muda dimana "lingkaran kemiskinan" ini sukar untuk diputuskan.

Kanak-kanak Melayu di sektor perladangan ini biasanya menuntut di Sekolah Rendah Kebangsaan Paya Redan (ditubuhkan sejak 1966). Pada bulan Januari, 1985, ia mempunyai seramai 228 orang murid-murid di mana 222 orang adalah kaum Melayu dan 6 orang murid-murid India. Sekolah ini mempunyai 10 orang guru. Secara relatifnya, kanak-kanak Melayu mendapat lebih dorongan daripada ibubapa mereka daripada kanak-kanak Cina. Galakan ini telah dicerminkan dalam pencapaian Keputusan Darjah 5, 1984 yang baik iaitu:-

5A (3 orang murid Melayu)

4A (1 orang murid Melayu)

2A (5 orang murid Melayu)

1A (7 orang murid Melayu)

Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) Soon Mong pula mempunyai 400 murid (99.9% adalah Cina) dimana 80% ibubapa kanak-kanak adalah penoreh-penoreh getah ladang dan 20% pekedai-pekedai pekan Pagoh. Walaupun kanak-kanak tersebut berminat terhadap pelajaran tetapi akibat kekurangan dorongan dari ibubapa, motivasi untuk belajar akhirnya dihapuskan. Ketiadaan kawalan tontonan video oleh ibubapa terhadap kanak-kanak ini telah mewujudkan "ketagihan" dan ini seterusnya menyebabkan pengabaian pelajaran sekolah mereka.

Kanak-kanak dari kedua-dua ladang ini akan melanjutkan pelajaran peringkat menengah di Sekolah Alauddin Riayat Shah I (ditubuhkan sejak 1968). Sekolah ini mempunyai klas-klas peralihan, tingkatan-tingkatan 1 - 5 serta klas-klas

ulangan bagi murid-murid yang gagal dalam SRP dan SPM. Dalam bulan Januari 1985, ia mempunyai seramai 1,846 orang murid dan 73 orang guru. Masalah keciciran diperingkat pelajaran ini biasanya berakar umbi dari asas pendidikan awal yang tidak kuat dan disertai oleh sikap fatalistik murid-murid, perkelompokan murid-murid antara kaum sama dan kurang pendedahan kepada motivasi pembelajaran.

2.5a Data-data Murid-murid Sek. Men. Alauddin Riayat Shah I (1984 1985)

<u>1984</u>				
<u>Klas</u>	<u>Melayu</u>		<u>Cina</u>	
Peralihan	L - P		L - P	
	-		151	
Tingkatan 1	120	138	64	60
2	152	128	38	63
3	144	156	39	47
4	77	86	15	20
5	99	69	14	32
-----				
<u>1985</u>				
<u>Klas</u>	<u>Melayu</u>		<u>Cina</u>	
Peralihan	L - P		L - P	
	-		122	
Tingkatan 1	139	113	56	66
2	119	139	75	68
3	162	141	64	53
4	88	90	17	31
5	76	85	14	20

2.5b Analisa Mengikut Kaum (1984) - Peperiksaan SRP

	Peringkat									%
	A	B	C	S	X	TH	J	%	A	ABC
Calon Bumiputra	143	39	01	108	08	-	199	47.8		61.2
Cina	41	11	02	28	05	-	87	47.1		62.1
Lain-lain						-				
Jumlah	187	54	04	151	17		413	106		59.3

2.5c Analisa Mengikut Aliran

	Kaum	1984		1983		1982	
		Bil	%	Bil	%	Bil	%
Aliran Sains	Bumiputra	32	10.7	32	11.7	16	5.8
	Cina	13	14.9	13	15.3	12	12.8
Aliran Sastera	Bumiputra	139	46.5	123	45.1	153	55.4
	Cina	36	41.4	24	28.2	37	39.4

2.5d Analisa Kegagalan kerana Bahasa Malaysia & Matematik Moden.

	Bahasa Malaysia saja		Matematik Moden saja	
	L	P	L	P
Bumiputra	-	-	25	35
Cina	7	3	-	-
Lain-lain				
Jumlah	8	4	26	36

2.5e Analisa Mengikut Aliran/ Kaum SPM 1984

Keturunan		Aliran		Jumlah
		Sains	Sastera	
Melayu	Jumlah Calon	35	163	198
	Jumlah Lulus (1,2,3)	33	105	138
	% Sijil Penuh	94.3	64.4	69.7
Cina	Jumlah Calon	13	33	46
	Jumlah Lulus (1,2,3)	13	16	29
	% Sijil Penuh	100	48.5	63
Lain-lain				
Jumlah	Jumlah Calon	58	104	154
Keseluruhan	Jumlah Lulus (1,2,3)	48	122	170
	% Sijil Penuh	96	59.8	66.93

2.5f Analisa Mengikut Pangkat Kaum (SPM - 1984)

Pangkat/Kaum	Melayu	Cina
1	8	0
2	24	7
3	73	9
4	32	15
9	26	2
X	1	-
Jumlah	164	33

2.5g

Aliran Sains Pangkat/ Kaum	Melayu	Cina
1	1	3
2	12	7
3	20	3
4	1	-
9	1	-
X	-	-
Jumlah	35	13
Jumlah Kelulusan Keseluruhan	199	46

Menurut Laporan Rancangan Malaysia Ketiga,<sup>6</sup> tujuan-tujuan pelajaran dan latihan adalah untuk:-

- a.i) Perlaksanaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dalam semua tahap pelajaran.
  - ii) Pembentukan keperibadian, watak dan kewarganegaraan baik dan meninggikan akhlak melalui sukatan pelajaran serta kegiatan-kegiatan di luar bilik darjah.
  - iii) Usaha merapatkan jurang perbezaan dalam peluang-peluang pelajaran diantara kaya-miskin, antara wilayah dan kaum; melalui pembahagian sumber-sumber dan kemudahan-kemudahan negara dengan saksama.
- b. Menyesuaikan serta memperluaskan sistem pelajaran dan latihan ke arah memenuhi keperluan negara bagi tenaga rakyat, khususnya dalam bidang sains dan teknologi.

- c. Memperbaiki mutu pelajaran untuk mengurangkan keciciran dan menambahkan kesan pembangunan negara.


Seterusnya,<sup>7</sup> kadar kemiskinan dan tingkat pencapaian pelajaran berkait rapat. Banyak golongan miskin mempunyai tingkat pencapaian pelajaran rendah. Ini menyekat mereka dari peluang-peluang pekerjaan yang lebih produktif. Langkah-langkah diambil seperti program pendidikan kanak-kanak, pra-sekolah dan peruntukan untuk kemudahan-kemudahan pelajaran bagi mengurangkan kadar keciciran ditahap sekolah rendah dan menengah.

✓ "Kajian keciciran 1972" pula telah membuktikan bahawa kemajuan kanak-kanak di pra-sekolah adalah faktor terpenting untuk memperbaiki kelemahan-kelemahan yang diakibatkan oleh keadaan sosio-ekonomi dan alam sekitar yang menghalang perkembangan fizika, sosial dan emosi. Kadar keciciran yang tinggi didapati luas di luarbandar. Program-program mengatasi ini adalah seperti pendidikan bimbingan-bimbingan skim pinjaman buku-buku teks, program kesihatan dan amalan pemakanan.

Walaupun laporan-laporan itu adalah benar mengenai keadaan kanak-kanak di sektor perladangan serta langkah-langkah telah diambil untuk mengatasinya tetapi kesemua ini tidak akan memajukan taraf sosial mereka jika tidak ada proses kemajuan pemikiran komuniti ini. Revolusi mental ini harus disokong dengan galakan dari kerajaan, majikan dan penghapusan

eksploitasi tenaga buruh ini supaya dapat menghapuskan pandangan pesimistik serta fatalistik.

2.5h Sistem Pendidikan Malaysia





Nota: Dalam tahun pendidikan sekolah rendah, tiga tahun sekolah menengah rendah. Pendidikan ini adalah percuma dan dapat diamalkan secara universal. Sekolah menengah atasan adalah dua tahun.

- LSC - Lower School Certificate
- HSC - Higher School Certificate
- MCE - Malaysia Certificate of Education
- MCVE - Malaysia Certificate of Vocarional Education
- D - Degree
- HD - Higher Diploma
- CD - Certificate of Diploma
- TTC - Technical Teacher's Certificate
- TCVL - Trade Course of Varying Lengths

Jadual  
9  
2.5i)

KADAR PENCAPAIAN DALAM BAHASA MALAYSIA

MENGIKUT DARJAH DAN JENIS PERANTARAAN

Darjah	1	2	3	4	5	6	Purata %
Sekolah kebangsaan	60.2	72.3	82.9	80.6	87.5	93	79.4
Sekolah Cina	35.2	40.7	43.9	47.2	54.8	59.8	46.5
Sekolah-sekolah Lain							
Jumlah	110	130	153	167	192	213	162

Ladang TR yang mendapat keuntungan tahunan tinggi dari penjualan minuman tadi telah mampu mendirikan sebuah sekolah tadika. Setiap bulan, majikan akan menyumbangkan \$50 untuk keperluan peralatan-peralatan kanak-kanak ladang yang menghadirinya. Ia mempunyai 50 orang kanak-kanak tetapi ketidakhadiran tiap hari adalah tinggi. Kanak-kanak ini akan dibekalkan dengan peralatan secara percuma manakala bekalan makanan diberikan oleh ibubapa masing-masing.

## 2.6 Pertubuhan Agama Dan Sosial

Di bawah sub-topik ini, tidak akan adanya banyak perbincangan mengenainya - kerana pertubuhan-pertubuhan sosial dikedua-dua ladang ini hampir lenyap kecuali pertubuhan institusi kepercayaan dikalangan penganut-penganut Buddha dan Islam.

Kesemua responden-responden Cina serta keluarga mereka adalah beragama Buddha. Pengaruh agama ini ke atas penganut-penganutnya masih menebal di mana tingkahlaku mereka dikongkong oleh kepercayaan-kepercayaan, amalan-amalan dan upacara-upacara yang diikuti. Berserta dengan ini pula, kepercayaan-kepercayaan karut masih kuat dipercayai dari segi aspek-aspek pantang-larang dari isbat-isbat informal.

Responden-responden Melayu dengan keluarga mereka adalah umat Islam yang menghadapi revolusi mental kini. Ibubapa semakin menggalakkan anak-anak dalam usaha untuk memajukan diri khasnya dalam pelajaran. Sebuah surau biasanya dibina

sebagai tempat bersembahyang. Pada bulan berpuasa pula, terdapat buruh-buruh Islam yang menghadapi keletihan kerana berpuasa serta terpaksa menggunakan tenaga buruh mereka pada masa yang sama. Pada hari-hari perayaan pula, kebanyakan mereka akan balik ke kampung asal mereka untuk merayakannya bersama-sama sanak-saudara.

Kelab belia dan sukan pula adalah tidak aktif kerana tidak mendapat galakan serta bantuan yang diperlukan dari majikan. Faktor kelurangan modal biasanya mencacatkan mobiliti dalam kegiatan-kegiatan yang baru. Golongan belia biasanya menghadapi kebosanan kerana tidak ada banyak relueasi untuk masa senggang mereka. Seterusnya, mereka merasa kecewa dan bimbang mengenai masa depan mereka kerana masih kuat dikongkong oleh keadaan mundur kehidupan mereka.

Gambaran yang jelas dari keadaan belia ini adalah bahawa wujudnya keinginan untuk membebaskan diri dari penghidupan perladangan tetapi akibat banyak halangan-halangan, mereka tidak berupaya untuk membebaskan diri dari keadaan mundur tersebut.

### Kesimpulan

Menurut R K Jain mengenai struktur sosial ladang getah pada zaman penjajahan:-

"the social set-up in the plantation was rigidly hierarchial, that a labourer must get down from his bicycle when passing

a staff bungalow .... must not put on his shoes or must groom his hair only in the traditional styles".<sup>10</sup>

Walaupun kelakuan-kelakuan tersebut tidak ada lagi kini tetapi proses pembentukan nilai sosial buruh-buruh ini masih sama dan berterusan. Akibat penegasan perbezaan kedudukan majikan - buruh dan eksploitasi ke atas mereka, ciri-ciri sikap yang lazim diperhatikan adalah kekurangan aspirasi, pesimistik dan mudah berputus asa.

Alam sekeliling ladang tidak memberi peluang-peluang mobiliti sosio-ekonomi kepada taraf yang lebih baik kerana adanya diskriminasi dan eksploitasi yang sudah lama wujud sejak zaman kolonialisme. Sikap pasif yang terbentuk ini pula menimbulkan sikap neutral mereka untuk mengambil peluang-peluang sosio-ekonomi yang baru dari rancangan-rancangan pembangunan oleh kerajaan. Sikap-sikap negatif ini yang diwarisi dari jenerasi ke jenerasi juga telah mengekalkan masalah-masalah sosial seperti alkoholisme, delinguen dan perlakuan jenayah. Sikap puashati kerana "cukup makan" di ladang-ladang ini, tidak mendorong sebarang usaha membuat rancangan jangka panjang untuk memperbaiki kedudukan sosial mahupun ekonomi mereka.

Akhirnya, didapati bahawa walaupun ada perbezaan dalam mutu kemudahan-kemudahan yang disediakan untuk penoreh-penoreh getah diantara kedua-dua ladang ini, masalah kemunduran masih wujud serta dihadapi oleh semua. Maka, kemudahan-kemudahan sahaja tidak akan meningkatkan taraf sosio-ekonomi komuniti ini kerana masih belum wujudnya kerjasama diantara pihak-pihak kerajaan, majikan dan pekerja-pekerja ini sendiri yang memuaskan.

NOTA KAKI

1. Lo, Eddy; "Epidemiology of Endemic Diseases in the Plantations In Peninsular Malaysia - The Family Practitioner Journal of the College of General Practitioners, Malaysia; Kuala Lumpur 1982; Volume 5; m/s 9
2. Ministry of Labour & Manpower "Labour Indicators"; Kuala Lumpur 1980; m/s 68
3. Daniel, JR; "A Socio-Economic Study of the Indians In Rubber & Palm Oil Plantations of Perak & Selangor"; MA. Thesis, Department of Indian Studies, University Malaya; Kuala Lumpur 1978; m/s 128 - 138
4. Townsend, Peter; "The Concept of Poverty"; London, Heinemann 1974; m/s 113 - 124
5. Karupiah, Rajan; "Kemiskinan Luarbandar"; Universiti Malaya; Sessi 1984/1985; m/s 83
6. Rancangan Malaysia Ketiga; "Program-program 1976 - 1980"; Jabatan Cetak Kerajaan; Kuala Lumpur 1976; m/s 59
7. Ibid; "Dasar-dasar Pelajaran & Latihan"; m/s 466 - 467
8. Ministry of Labour & Manpower; Kuala Lumpur 1980' m/s 65
9. Pusat Perkembangan Kurikulum; Kementerian Pelajaran Malaysia.
10. Jain, RK; "South Indians In The Plantation Frontier'; Kuala Lumpur University Malaya Press; 1970; m/s 290



KOLAM TEREMPANG UNTUK PEMBEKALAN AIR



JAMBAN BERLUBANG



RUMAH BURUH LADANG LERGA



TADIKA DI LADANG TEMIANG - RENCONG



SEKOLAH MENENGAH PEKAN PASOH



### BAB 3

#### Aspek-Aspek Ekonomi

Bab ini akan dibahagikan kepada lima bahagian yang menyentuh tentang aspek-aspek penghidupan ekonomi penoreh getah ladang. Ini termasuk pendapatan per kapita, pola perbelanjaan-perbelanjaan dan pendapatan, saiz keluarga, tabungan, harta dan hutang. Aspek-aspek ini penting dalam menentukan status ekonomi dalam masyarakat keseluruhannya.

Di sekitar kawasan ladang-ladang Lenga & TR (bahagian timur-laut bandar Muar), terdapat ladang-ladang getah lain seperti Ladang Ban Heng dan Ladang Gaigella. Struktur ekonomi ladang-ladang ini adalah lebih kurang sama dimana proses penggantian tanaman getah tua dengan kelapa sawit semakin pesat dijalankan.

Berdekatan dengan kawasan-kawasan ini pula, Pekan Pagoh adalah satu pusat perdagangan kecil kepada komuniti-komuniti sekitarnya. Ini adalah kerana bandar Muar adalah terlalu jauh dari kawasan perladangan ini. Pekan ini mempunyai balai-balai polis dan bomba, klinik, panggung wayang, pejabat pos, mesjid, kedai-kedai perkhidmatan dan perniagaan, pasar mingguan, sekolah-sekolah rendah dan sebuah sekolah menengah (klas-klas peralihan sehingga tingkatan 5). Ramai peniaga-peniaga ini adalah penoreh-penoreh getah dimana pekerjaan sambilan dalam pekan akan meningkatkan pendapatan mereka. Sebahagian besar daripada komuniti pekan ini adalah kaum Cina yang menetap dengan keluarga masing-masing di situ dari jenerasi ke jenerasi.

Walaupun adanya pekan sebagai pusat pembekal tetapi ditiap ladang pula, ada kedai runcit yang diuruskan oleh salah satu daripada keluarga buruhnya yang membayar sewa bulanan kepada majikan. Kedai runcit ini hanya membekalkan keperluan-keperluan asas untuk komunitinya. Harga kebanyakan barangan jualan pula adalah lebih mahal dari di pekan kerana mengambilkira kos pengangkutan barangan tersebut dari pekan ke kawasan pendalaman ladang yang jauh serta terpencil.

Komuniti ladang ini pula sanggup membelinya kerana menjimatkan masa manakala pekan adalah jauh dari "labour line". Tambahan pula barangan keperluan dapat dibeli secara kredit dari pekedai runcit.

### 3.1 Struktur Ekonomi Ladang

Ladang Lenga mempunyai keluasan tanah seluas 633 hektar (1563 ekar) dimana 191 hektar (472 ekar) diliputi oleh pokok-pokok getah tua. 303 hektar (748 ekar) pula diliputi oleh tanaman kelapa sawit dewasa dan 109 hektar (269 ekar) dengan kelapa sawit muda. Pokok-pokok durian muda pula meliputi seluas 30 hektar (74 ekar) tanah di kawasan bukit-bukau.

Di kawasan kelapa sawit muda pula, terdapat tanaman sampingan seperti buah-buahan serta sayur-sayuran yang diusahakan oleh keluarga penoreh-penoreh getah sebagai pekerjaan sampingan. Terdapatnya suatu persetujuan diantara majikan-buruh di mana pengusahaan tanah tersebut tidak akan dikenakan sebarang sewa tetapi kebersihan kawasan sekelilingnya terpaksa dipelihara oleh buruh tersebut. Skema ini adalah untuk tempoh singkat

iaitu sebelum kelapa sawit muda mulai berbuah. Ini adalah untuk mengelakkan persaingan tanaman-tanaman yang boleh mengakibatkan kemunduran tanah. Tanaman-tanaman sampingan ini adalah untuk tujuan ekonomi dimana ia dapat menambahkan jumlah pendapatan penoreh-penoreh getah ini.

Ladang Lenga mempunyai lebih kurang 144 lot getah - satu "lot" = 1.62 hektar (4 ekar) dimana penoreh-penoreh getah akan menoreh mengikut giliran "lot" ini setiap hari. Secara puratanya, seorang penoreh dapat menoreh lebih kurang 450 pokok tiap hari. Torehan harian akan digredkan di pusat-pusat pondok. Sudah menjadi satu kelaziman penoreh-penoreh getah untuk mencampuri susu getah dengan air supaya beratnya meningkat dimana ini akan meningkatkan pembayaran upah mereka. Jelas sekali bahawa mereka lebih mementingkan berat susu getah daripada mutunya yang merosot apabila dicampuri dengan air yang banyak. Torehan susu ini kemudian dicampuri dengan amonia asid untuk mengelakkan pembekuan susu tersebut sehingga diproseskan sejak bermulanya pengeluaran bentuk getah cecair (latex), rumah asap ladang telah ditutup dan pekerja-pekerjanya kehilangan kerja serta punca pendapatan mereka dalam 1985.

Ladang TR pula mempunyai keluasan tanah seluas 1,556 hektar dimana 703 hektar diliputi oleh tanaman getah tua. Seluas 853 hektar pula ditanam dengan kelapa sawit yang kini sudah berhasil. Torehan susu getah setiap hari akan diproses di Tebong, Melaka (170 batu dari ladang ini). Maka, susu getah

yang diangkat terpaksa dicampuri dengan asid amonia yang mencukupi sehingga pemerosesan. Pada musim puncak hasilnya, susu getahnya terpaksa diangkat sebanyak dua kali dari kawasan perladangan ke Tebong.

Proses penggantian tanaman kontan getah kepada tanaman kelapa sawit adalah disebabkan oleh beberapa faktor penting. Penciptaan getah sintetik telah merosotkan kepentingan getah asli di pasaran antarabangsa iaitu merosot permintaan terhadapnya. Ekonomi negara pula menghadapi kesan buruk apabila harga getah asli merosot kerana ekonomi nasional masih kuat bergantung kepada sumbangan sektor pertanian dalam KDNK. Kos pengusahaan tanaman kelapa sawit secara relatifnya adalah lebih rendah berbanding dengan getah- dalam tiap 40.49 hektar (100 ekar), kawasan getah memerlukan 20 orang pekerja berbanding dengan kelapa sawit yang hanya memerlukan 4 orang pekerja sahaja. Pokok getah memerlukan tempoh tumbesaran yang lebih panjang iaitu lebih dari 60 bulan sebelum mengeluarkan hasil berbanding dengan kelapa sawit yang hanya memerlukan 30 bulan sahaja.

Menurut Daniel, J.R.<sup>1</sup>, harga getah dan kemakmuran ekonomi Malaysia dikaitkan secara rapat dengan sistem pasaran antarabangsa. Tetapi golongan yang menerima kesan buruk sekali apabila harga getah asli merosot adalah golongan penoreh getah dimana pembayaran upah harian akan merosot. Apabila harga melambung tinggi pula, golongan ini tidak banyak

berpeluang untuk menikmatinya. Dalam 1960an, harga getah asli telah merosot akibat penciptaan dan persaingan hebat dari getah sintetik. Ini telah menyebabkan seramai 30 ribu penoreh getah dibuang kerja dan kehilangan tempat tinggal.

Selain dari ini, perusahaan tanaman kelapa sawit kini merupakan suatu ancaman kepada golongan penoreh getah apabila kesemua kawasan pokok getah tua diambilalih oleh kelapa sawit. Dalam 1983, tanaman kelapa sawit meliputi seluas 1,226,000 hektar dan memberi sumbangan eksportnya bernilai \$2,977 juta.

Maklumat-maklumat mengenai perbandingan hasil-hasil tanaman kelapa sawit dengan getah dari Ladang TR tidak dapat diperolehi oleh pengkaji manakala di Ladang Lenga pula, data-datanya menunjukkan jumlah hasil-hasil yang berbeza besar diantara tanaman kelapa sawit dengan getah.

### 3.1.1 Hasil-hasil Getah & Kelapa Sawit Ladang Lenga (1980 - 1985)

Bulan (Mac. Tahun a - Feb. Tahun b)	Getah (tan)	Kelapa Sawit (tan)
1980 - 1981	835	3,913
1981 - 1982	746	4,386
1982 - 1983	359.5	4,611
1983 - 1984	354.5	3,848
1984 - 1985	267	4,883

Keluaran susu getah sejak 1984 adalah hanya dalam bentuk berasap, cecair dan scrap dimana bentuk susu getah yang beku

tidak dikeluarkan lagi. Dari jadual di atas, perbezaan besar diantara kedua-dua jenis tanaman kontan ini adalah akibat proses gantian yang semakin luas setiap tahun.

Dari segi kedudukan golongan-golongan berlainan dalam strata ekonomi di ladang-ladang penoreh-penoreh getah ini menduduki strata bawahan tetapi yang terbesar sekali. Di strata pertengahan pula, ia diduduki oleh golongan kerani dan konduktor-konduktor getah serta kelapa sawit. Bilangan ini adalah lebih kecil manakala strata atasan diduduki oleh pihak pengurus ladang. Perbezaan kedudukan ini adalah berdasarkan kepada tingkat pendapatan, tanggungjawab dan kelayakan akademik yang berbeda-beda di antara ketiga-tiga lapisan ini. Ini amat dirasai khasnya diantara kedua-dua pihak pengurus dan pentadbiran dengan pihak bawahan. Kemudahan-kemudahan perumahan dan bekalan-bekalan infrastruktur yang lain adalah berbeda mutunya untuk pihak-pihak yang berlainan.

### 3.2a Pekerjaan Ketua Keluarga & Pendapatan Per Kapita

Menurut data oleh Laporan Kementerian Buruh & Tenaga Rakyat 1980, faktor penentu utama status ekonomi sesuatu keluarga ialah jumlah pendapatan, saiz keluarga dan lokasi tempat tinggal - bandar atau luarbandar.

Labours Indicators menurut Dr. D Jayakumar<sup>2</sup> pula menunjukkan bahawa jumlah pekerja-pekerja ladang diantara 1973 - 1982 seramai 248,000 orang masih berada dalam kedudukan sosio-ekonomi yang statis di sebalik proses-proses pembangunan rakyat Malaysia.

yang statis di sebalik proses-proses pembangunan rakyat Malaysia.

Kesemua 50 orang responden kajian adalah ketua keluarga dan bekerja sebagai penoreh getah. Sebanyak 43 buah keluarga ini mempunyai lebih daripada seorang ahli yang aktif dalam kegiatan ekonomi seperti mana yang ditunjukkan dari proses soal-selidik.

3.2ai) Bilangan Ahli Bekerja Sesuatu Keluarga

Bilangan Ahli Bekerja/Keluarga	Bilangan Keluarga
1	7
2	26
3 - 5	13
6	4
Jumlah	50

Maka, hanya 7 buah keluarga yang mempunyai ketua keluarga untuk menanggung keseluruhan ahli-ahlinya. 20 buah keluarga daripada jumlah 26 buah keluarga yang mempunyai 2 orang pekerja adalah terdiri daripada pasangan suami-isteri. Seterusnya 13 buah keluarga yang mempunyai 3 hingga 5 orang bekerja biasanya melibatkan anak-anak mereka. Keluarga-keluarga yang mempunyai lebih dari 6 orang bekerja biasanya mempunyai saiz keluarga yang besar iaitu melebihi 10 orang.

3.2a) Pendapatan Per Kapita Bulanan Keluarga Responden-Responden

Pendapatan Per Kapita Bulanan Keluarga (\$)	Bilangan Keluarga
60	11
61 - 100	15
101 - 150	12
151 - 200	4
201	8
Jumlah	50

Daripada jadual-jadual 3.2i) dan ii) dapat disimpulkan bahawa cara terlazim untuk menghadapi masalah kewangan adalah untuk melibatkan lebih ramai ahli-ahli sesuatu keluarga sebagai seorang pekerja. Ini termasuk anak-anak yang masih bersekolah. Anak-anak yang tercicir dari sekolah biasanya diberhentikan dari persekolahan supaya dapat membantu ditempat pekerjaan dan kemudiannya menjadi seorang pekerja berpendapatan penuh apabila sampai umur 16 tahun.

Walaupun masalah "terus hidup" (survival) dapat diatasi tetapi kemajuan ekonomi mereka sukar dicapai kerana berlatarbelakangkan pendidikan rendah atau tiada langsung, status pekerjaan rendah dan tidak mempunyai kemahiran-kemahiran lain selain daripada menoreh.

Salah satu faktor terhadap keadaan statis mobiliti ekonomi komuniti ini ialah akibat dari kekurangan usaha memperbaiki corak hidup masing-masing. Sikap fatalistik ini menyebabkan



mereka menerima kedudukan semasa dan hanya menumpukan perhatian kepada kehidupan perladangan sahaja. Warisan sikap ini telah lama berterusan dari jenerasi ke jenerasi sehingga kini.

Dalam sektor perladangan ini, pekerja-pekerja yang masih kanak-kanak serta bersekolah, adalah sesuatu kebiasaan. Menurut INSAN<sup>3</sup>, terdapat sebahagian besar daripada kanak-kanak ini yang terlibat dalam jenis pekerjaan mengumpul susu getah tiap pagi. Walaupun mereka masih tidak layak menerima sebarang upah kerana di bawah syarat umur bekerja tetapi bantuan mereka membolehkan proses torehan lebih cepat oleh ahli-ahli keluarga mereka yang lain. Susu getah tambahan yang melebihi 9.5 kilogram tiap harian akan mendapat "upah insentif".

### 3.2a3 Pengagihan Jenis Pekerjaan oleh Kanak-kanak Di Ladang Getah (INSAN)

Jenis Pekerjaan	Ladang Getah (%)			
	Cheroh	Gali	Sungai Bilut	Nigel
Menoreh	16.7	8	0	4
Mengumpul susu getah	50	64	50	48
Menyembur ubat racun	6.7	0	0	0
Menandakan pokok-pokok	3.3	0	5	0
Kerja rumah/Menjaga anak	23.3	24	36	40
Menjaga ternakan dan menolong lain-lain	0	4	0	0
Jumlah	100	100	100	100

Dari segi cita-cita untuk menukar kepada jenis pekerjaan yang lain pula, kesemua responden tidak mempunyai sebarang kecenderungan atau harapan untuk perubahan ini. Keputusan sedemikian adalah berdasarkan kepada beberapa sebab. Mereka telah dapat memperolehi kemahiran menoreh melalui tempoh lama dalam pekerjaan menoreh. Maka, kemahiran ini merupakan punca pendapatan mereka. Kekurangan kemahiran lain serta kekurangan maklumat mengenai bidang-bidang lain tidak menggalakkan perpindahan jenis pekerjaan lama kepada yang baru. Pihak ibubapa pula tidak mempunyai peranan aktif dalam membantu pembebasan anak-anak mereka membebaskan diri dari kemunduran melalui pemberian galakan untuk berjaya mencapai pendidikan tertiasi. Tetapi, mereka lebih cenderung untuk menggalakkan jenerasi muda meneruskan jenis pekerjaan buruh ini dari yang bersara nanti. Sikap negatif yang menebal ini mencerminkan pandangan hidup yang masih sempit terdapat proses kemajuan kini. Seseorang kanak-kanak yang tidak melibatkan diri dalam pekerjaan-pekerjaan ladang dianggap sebagai 'pemalas'. Maka, "sanction"/ isbat sosial informal ini memaksa mereka menumpukan sebahagian besar masa lapang di kawasan tempat kerja. Kepentingan pelajaran pula adalah sekunder.

### 3.2b Pola Pendapatan

#### 3.2b1 Jadual Jumlah Pendapatan Keluarga Responden

Jumlah Pendapatan (\$)	Bilangan Keluarga	Peratus (%)
≤ 350	11	22
351 - 450	4	8

Jumlah Pendapatan (\$)	Bilangan Keluarga	Peratus
451 - 550	14	28
551 - 650	3	6
651	18	36
Jumlah	50	100

Menurut Laporan SERU, garis kemiskinan - \$384 untuk keluarga saiz 5 orang. Dalam kajian ini pula, sebanyak 36% keluarga responden-responden mempunyai jumlah pendapatan yang melebihi \$651 tetapi kedudukan ekonomi sebenar masih dipengaruhi oleh saiz keluarga, struktur perbelanjaan, tempat tinggal dan seterusnya. Jumlah pendapatan ini adalah tidak konstan kerana kadar pembayaran upah adalah tertakluk kepada harga getah asli, cuaca, kemahiran menoreh dan mutu pokok getah.

Sesuatu keluarga bersaiz 5 orang yang dapat mengatasi garis kemiskinan tersebut tidak semestinya bermakna mereka berjaya melepaskan diri dari masalah kemunduran. Ini adalah kerana "kemiskinan" adalah hanya sebahagian daripada kemunduran yang lebih luas skopnya.

Pembayaran gaji adalah berdasarkan kepada jumlah torehan susu dan "scrap" getah setiap hari oleh setiap penoreh getah. Jumlah pendapatan boleh berbeza-beza bergantung kepada jumlah hari penoreh getah hadir untuk bekerja. Bagi pihak pentadbiran ladang pula, mereka menerima pendapatan bulanan yang tetap kerana tiada dipengaruhi oleh keadaan harga getah asli.

Akibat perasaan tidak puas hati terhadap ketiastabilan bayaran upah harian, NUPW kini sedang berusaha untuk menuntut jenis pendapatan bulanan tetap bagi ahli-ahlinya dari MAPA.

Setiap hari hujan, penoreh-penoreh getah tidak akan menerima upah kerana tidak dapat menoreh. Air hujan akan mencairkan susu getah jika pokok getah ditoreh. Maka, musim hujan merupakan ancaman besar kepada pendapatan buruh-buruh ini.

Pada musim kemarau pula, susu getah adalah berkurangan dan ini juga memberi kesan buruk kepada kadar pembayaran upah. Ringkasnya, tingkat pendapatan penoreh-penoreh getah amat tidak stabil kerana bergantung kepada berbagai-bagai faktor.

Menurut skema pembayaran, seorang penoreh getah dibayar gaji asas sebanyak \$4.50, elaun khas sebanyak \$1.15 dan COLA (cost of living allowance) sebanyak \$45 sebulan. Maka, ia akan menerima gaji asas bulanan sebanyak \$95. "Upah insentif" pula adalah dorongan terhadap torehan susu getah harian yang melebihi 9.5 kilogram. Untuk tiap kilogram tambahan, ia akan dibayar sebanyak \$0.28½ manakala setiap kilogram 'scrap' getah akan dibayar dengan \$0.15½. Berdasarkan kepada harga semasa getah asli sebanyak \$2.60 sekilogram, 'bonus' untuk tiap kilogram getah adalah \$1.20. Dalam skema cuti tahunan pula, ia mempunyai kategori berbeza-beza bagi penoreh-penoreh getah yang bekerja untuk tempoh yang berlainan. Seorang pekerja yang sudah berkhidmat melebihi 5 tahun,

ia layak menerima 16 hari cuti manakala yang berkhidmat tidak melebihi 5 tahun, akan menerima 12 hari cuti dari majikan dalam setahun. Ladang getah pula dibahagikan kepada kategori-kategori A, B, dan C berdasarkan umur dan hasil keluaran pokok-pokok getah. Penoreh yang menoreh di kawasan yang kurang mengeluarkan hasil, akan dibayar lebih kerana skema ini adalah suatu dorongan untuk menoreh di kawasan-kawasan yang lebih mundur.

Menurut Supernor DS,<sup>4</sup> NUPW yang berperanan penting dalam menuntut kebajikan ahli-ahlinya mempunyai seramai 85,000 orang dengan harta yang melebihi \$9 juta. Setiap ahli dikenakan bayaran yuran bulanan sebanyak \$6. Aspek utama yang menarik ramai keahlian ialah perjanjian NUPW untuk berusaha menuntut kadar pembayaran upah yang lebih tinggi. Persatuan sekerja ini juga memberi bantuan biasiswa serta pinjaman untuk pendidikan kanak-kanak ladang di tahap tertiar, asrama-asrama sekolah di Kuala Krai dan Petaling Jaya; menuntut cuti bergaji dan kemudahan-kemudahan kesihatan. Tetapi, malangnya, NUPW kurang berusaha dari segi memajukan sikap dan mental ahli-ahlinya supaya bersikap positif terhadap usaha memajukan corah hidup mereka. Sebaliknya, ia lebih cenderung untuk menumpu perhatian ke atas aspek-aspek ekonomi kerana ini akan menarik lebih penyertaan ahli-ahli baru dari kalangan buruh-buruh sektor perladangan.

Walaupun penoreh-penoreh getah mendapat berbagai jenis

kemudahan dari majikan tetapi wang tunai masih dianggap sebagai sumber penghidupan yang terpenting. Seterusnya, kenaikan kadar pembayaran upah tidak semestinya berfaedah jika ia tidak selari dengan kadar kenaikan inflasi dalam ekonomi negara. Ini adalah kerana "kuasa membeli" (purchasing power) mereka akan merosot walaupun pendapatan bertambah kerana tidak seimbang dengan kadar inflasi.

Menurut Daniel JR,<sup>5</sup> jumlah pendapatan bulanan seorang penoreh getah telah meningkat dari 1970 - 1981 dimana purata 80 paun susu getah serta 10 paun scrap setiap hari akan menyebabkan kenaikan pendapatan bulanan dari \$116 kepada \$216. Maka didapati pertambahan pendapatan sebanyak 86%. Inflasi dalam tempoh tersebut adalah 80%. Ini tidak semestinya bermakna kenaikan pendapatan ini telah mengatasi kadar inflasi. Dengan mengirakan faktor "kuasa membeli" iaitu pertambahan "pendapatan benar", kenaikannya hanyalah sebanyak 3.4% sahaja.

Untuk menambahkan pendapatan utama ini, golongan penoreh-penoreh getah mempunyai berbagai-bagai sumber lain seperti permainan "kootu" dan kerja-kerja sampingan disebelah waktu petang selepas selesai menoreh getah. Kaum perempuan ladang biasanya terlibat dalam sistem kootu dimana sebilangan perempuan terlibat dalam membayar sejumlah wang untuk tempoh tertentu (biasanya setiap bulan). Kumpulan wang ini akan diserahkan kepada tiap-tiap individu mengikut giliran bagi setiap bulan. "Permainan" ini membolehkan pembelian barangan

yang biasanya mahal serta memerlukan penjimatan wang selama tempoh yang lama. Maka, sistem kootu ini membantu sesuatu pembelian dengan menyediakan jumlah wang yang diperlu dalam masa yang singkat sahaja. Tetapi, sistem ini juga memaksa ahli-ahlinya untuk memperuntukkan sejumlah wang tiap bulan untuk dikumpulkan bagi ahli-ahli yang masih belum menerima giliran mereka. Maka mekanisme pendapatan ini adalah juga merupakan suatu mekanisme perbelanjaan.

Bentuk kerja sambilan yang paling lazim ialah usaha-usaha pertanian oleh semua ahli-ahli keluarga diatas tanah pajakan seluas 0.8 hektar (2 ekar) bagi tiap keluarga dalam Rancangan Buku Hijau. Pajakan ini mempunyai tujuan mendatangkan lebih pendapatan dari jualan hasil-hasil tanamannya iaitu buah-buahan serta sayur-sayuran. Tetapi, malangnya, kebanyakan tanah-tanah ini diabaikan akibat kekurangan modal untuk mengusahakannya. Mereka dieksploitasikan dalam pasaran apabila orang tengah membeli hasil-hasil ini secara murah.

Dalam kes Ladang Lenga pula, majikan lebih suka mengupah pekerja-pekerja luar ladang untuk bekerja di kawasan kelapa sawit kerana kosnya lebih murah. Golongan penoreh getahnya pula diketepikan kerana tuntutan bayaran upah mereka adalah lebih tinggi.

Untuk menampung kos perbelanjaan ke atas makanan, golongan lelaki biasanya memburu, menangkap ikan serta memetik buah-

buah di kawasan pendalaman untuk kegunaan keluarga masing-masing. Penanaman sayur-sayuran disekitar perumahan juga dapat mengurangkan kos perbelanjaan bulanan ke atas item-item tersebut.

Menurut Jain RK<sup>6</sup> lagi, sumber-sumber utama angkubah dalam pendapatan keluarga bergantung kepada :-

- a) Bilangan ahli yang aktif secara ekonomi.
- b) Status pekerjaan ahli-ahli keluarga.
- c) Kehadiran untuk kerja dimana secara puratanya, bilangan hari bekerja dalam sebulan untuk golongan wanita adalah lebih rendah.
- d) Kemahiran menoreh yang penting kerana mempengaruhi jumlah torehan setiap hari.

Wiebe dan Mariappan<sup>7</sup> pula secara ringkas mengatakan tentang pengaruh faktor-faktor diatas :-

"Overall, a tapper's income depends on his skills, the kind of area he is tapping, the season of the year, the number of raining days in a month and such things as the going-price of rubber".

### 3.2c Pola Perbelanjaan

Indeks- indeks pola perbelanjaan tiap keluarga responden akan dibahagikan kepada 2 iaitu :-

- a) Perbelanjaan bulanan - makanan serta minuman, pakaian, utiliti (api, letrik), pengangkutan, kos kesihatan



dan lain-lain lagi.

- b) Perbelanjaan tahunan - motosikal, kereta, perabut-perabut rumah, televisyen, kipas angin, perbelanjaan persekolahan kanak-kanak dan perayaan-perayaan tahunan.

3.2c i) A) Perbelanjaan Bulanan                      B) Perbelanjaan Tahunan

Perbelanjaan (\$)	Bilangan	%	Perbelanjaan (\$)	Bilangan	%
	Keluarga			Keluarga	
100 - 200	7	14	150	8	16
201 - 300	16	32	151 - 300	6	12
301 - 400	11	22	301 - 450	5	10
401 - 500	10	20	451 - 600	8	16
501 - 600	2	4	601 - 750	3	6
601	4	8	751 - 900	3	6
			900	17	34
Jumlah	50	100	Jumlah	50	100

Dari Jadual A, sebanyak 32% keluarga responden-responden yang mempunyai perbelanjaan bulanan antara \$201 - \$300. Kos perbelanjaan item-item makanan dan minuman adalah bahagian terbesar sekali. Perbelanjaan pakaian pula adalah jarang dimana menjadi kelaziman untuk mengkongsi antara adik-beradik. Utiliti air tidak dimasukkan sebagai salah satu indeks kerana ia dibekalkan secara percuma oleh majikan. Kos kesihatan pula adalah rendah dimana penyakit-penyakit yang tidak serius akan dibiayai oleh majikan. Masalah hutang yang lazim berlaku adalah akibat daripada jumlah perbelanjaan bulanan yang melebihi jumlah pendapatan bulanan. Hutang

ini biasanya adalah dari pembelian kredit bahan-bahan makanan serta minuman dari kedai runcit ladang. Biasanya, pekedai-pekedai runcit ini menghadapi perasaan serba-salah kerana terpaksa memberi jualan secara kredit untuk menggalakkan belian yang lebih dari pelanggan-pelanggannya. Tetapi, mereka akan menghadapi kerugian apabila keluarga-keluarga yang berhutang berpindah keluar dari ladang tanpa menjelaskan hutang mereka.

Dalam perbelanjaan bulanan, salah satu item dalam kategori "lain-lain" adalah seperti permainan nombor 4 ekor atau loteri khasnya di kalangan kaum Cina. Mereka giat serta ketagih untuk membelinya di antara \$2 atau melebihinya setiap hari. Keadaan ekonomi yang mundur tidak mendorong usaha-usaha gigih memperbaiki kejayaan persekolahan anak-anak mereka sebagai kunci membebaskan diri dari keadaan tersebut. Sebaliknya, mereka meletakkan harapan ke atas kemenangan permainan nombor ini. Wang tunai lumayan sentiasa diharapkan kerana mengganggapnya jalan yang tercepat serta rasional untuk memperbaiki keadaan ekonomi mereka. Anggapan ini telah memperngaruhi struktur perbelanjaan bulanan mereka.

Dari Jadual B pula, sebanyak 34% keluarga responden-responden yang membelanjakan lebih daripada \$900 tiap tahun. Perbelanjaan ini adalah keatas harta-harta tetapi, persekolahan anak-anak dan perayaan-perayaan. Harta tetap mereka biasanya dibeli secara pembayaran ansuran. Keluarga-keluarga yang

mempunyai kadar perbelanjaan tinggi ini biasanya adalah yang bersaiz besar dan mempunyai lebih daripada 3 orang bekerja. Walau bagaimanapun, harus diingatkan bahawa jumlah perbelanjaan tahunan ini adalah tidak konsisten kerana mustahil untuk menggantikan kesemua item-item ini setiap tahun. Dalam membeli harta-harta tetap pula seperti kenderaan, perbelanjaan tahunannya adalah kos penyelenggaraan sahaja apabila bayaran-bayaran ansurannya diselesaikan akhirnya. Perbelanjaan ke atas persekolohan anak-anak hanya sekadar untuk keperluan-keperluan asas persekolohan. Sikap negatif ibubapa terhadap pencapaian anak-anak mereka di sekolah dicerminkan dalam kekurangan peruntukan belanjawan mereka untuk berbelanja ke atas buku-buku bimbingan serta klas-klas bimbingan. Sebaliknya, mereka berjimat cermat untuk membeli televisyen, set video serta perayaan nanti.

Selanjutnya, dapat juga dikatakan bahawa sikap neutral ini mungkin berakar-umbi dari kekurangan kepercayaan kepada kebolehan diri. Selagi itu, mereka juga menganggap anak-anak mereka kurang cerdas dan tidak akan maju dalam sebarang pencapaian di sekolah. Maka, dengan asas sikap yang salah ini, ia menghalang sebarang galakan untuk kanak-kanak bergiat dalam pelajaran mereka. Perbelanjaan hanya dibuat untuk memenuhi keperluan-keperluan minima untuk mempersekolahkan anak-anak mereka supaya tidak buta huruf. Persekolahan ke sekolah menengah pula dianggap sebagai membazir kerana mempunyai keyakinan bahawa anak-anak mereka kan tercicir

nanti. Dengan itu, biasanya mereka enggang untuk menghantar anak-anak mereka ke sekolah-sekolah menengah yang terletak di bandar dengan alasan bahawa ia menghabiskan kos yang tinggi.

Perayaan-perayaan tahunan pula berkaitrapat dengan agama-agama Islam serta Buddha dan kebudayaan kaum masing-masing. Perbelanjaan biasanya meliputi pakaian-pakaian baru, makanan serta minuman dan sebagainya. Salah satu daripada aspek kebudayaan yang selalu diraikan adalah "rites de passage". Biasanya dalam sesuatu upacara kenduri atau perkahwinan di ladang, seluruh komuniti ladang akan dijemput. Untuk meringankan beban kos perbelanjaan tinggi oleh kedua-dua keluarga pengantin baru, saudara-mara serta jiran-jiran akan memberi berbagai-bagai bantuan serta sumbangan. Masalah kesempitan wang adalah merupakan sesuatu gejala yang dirasakan oleh golongan buruh ini dan semangat tolong-menolong ini masih kuat menebal diantara mereka.

### 3.3 Perbelanjaan Harta Tetap Tahunan, Harta Milik & Tabungan

Pola perbelanjaan ke atas jenis harta milik harta tetap dan jumlah tabungan diantara keluarga-keluarga responden adalah lebih kurang sama kerana mempunyai kedudukan ekonomi yang homogenous. Ketiga-tiga aspek ini berkaitrapat dan dipengaruhi secara langsung oleh jumlah pendapatan keluarga.

Dari Jadual 3.4i) B), sebanyak 16% keluarga responden-responden

membelanjakan kurang daripada \$150 manakala 34% membelanjakan lebih daripada \$900 setiap tahun. Perbezaan besar jumlah ini adalah akibat daripada saiz keluarga yang amat berbeza antara kedua-dua kategori ini. Saiz keluarga kecil akan mempunyai perbelanjaan tahunan yang kecil dan saiz keluarga besar pula, akan membelanjakan kos yang lebih tinggi. Apabila melihat perbelanjaan per kapita, ia adalah lebih kurang sama diantara kedua-dua kategori ini.

Harta milik yang lazim dalam keluarga-keluarga ini adalah seperti televisyen, video, perabut-perabut rumah (kipas angin, set kusyen, mesin jahit, dapur, peti ais), kenderaan dan ternakan. Kesemua ini dibeli secara ansuran bulanan dan bukannya secara tunai. Harta-harta ini dianggap sebagai 'fungsional' dan bukannya sebagai simbol-simbol kekayaan. Televisyen serta video adalah jenis sumber hiburan utama kerana kekurangan bentuk rekreasi-kekreasi yang lain. Perabut-perabut rumah pula adalah untuk kegunaan selama tempoh yang panjang. Kenderaan yang paling lazim sekali adalah motosikal yang menyenangkan mobiliti di kawasan perladangan yang luas lagi terpencil. Ternakan-ternakan ayam dan itik adalah untuk kegunaan sendiri. Majikan pula tidak membenarkan ternakan-ternakan seperti kambing, lembu dan babi untuk menjaga kebersihan di kawasan sekeliling dan tiada keluasan tanah yang mencukupi untuk ternakan-ternakan yang besar ini.

Termasuk dalam perbelanjaan harta tetap tahunan pula, kos-kos peyelenggaraan juga dimasukkan. Ini biasanya adalah untuk motosikal yang digunakan setiap masa kerana ia adalah jenis pengangkutan yang paling menyenangkan. Televisyen dan video memerlukan bayaran lesen-lesen setiap tahun. Ternakan pula memerlukan bahan-bahan pemakanan yang sesuai setiap masa. Maka disini, faktor utiliti berkait rapat dengan pembelian harta-harta tetap ini.

Dari segi aspek tabungan pula, buruh-buruh ini jarang atau tiada langsung tabungan selain daripada KWSP. Tabungan dalam bentuk wang tunai biasanya adalah rendah dan untuk tempoh sementara sahaja. Ini adalah akibat dari hutang, jumlah pendapatan rendah dan kos perbelanjaan tinggi untuk perayaan-perayaan tahunan. Tabungan mereka jarang disalurkan kepada sebarang pelaburan walaupun sering digalakkan untuk berjimat-cermat supaya dapat melabur. Perhatian mereka hanya tertumpu ke atas cara-cara untuk menyelesaikan hutang-hutang yang bertimbun-tambah.

Menurut Dr D Jayakumar,<sup>8</sup>

"Even though poor budgetting and unnecessary spending on liquor and luxury goods are the main reason for 'low saving' which indeed shown on insecure future, but, the low level of wages these workers receive is the "root" cause of the problem".

Tabungan yang paling lazim bukanlah dalam bentuk wang simpanan tetapi barangan kemas yang diwarisi atau dibeli. Ia adalah dianggap sebagai suatu bentuk "pelaburan" untuk masa depan di mana dalam mecemasan, barangan ini dapta digadaikan.

### Kesimpulan

Aspek-aspek yang terpenting dalam perbincangan bab ini ialah struktur pendapatan dan perbelanjaan yang lebih sering menggalakkan hutang dari tabungan. Fenomena tersebut tidak sahaja dipengaruhi oleh kedua-dua aspek ekonomi utama ini tetapi perlu untuk mengambilkira faktor-faktor saiz keluarga, jumlah-jumlah pendapatan serta perbelanjaan dan sebagainya. Dalam kes komuniti sektor perladangan ini, lebih cenderung bagi mereka ini untuk membelanjakan lebih dari pendapatan mereka. Maka, ini sering mewujudkan masalah hutang yang sukar untuk diselesaikan. Fenomena ini dapat dicerminkan oleh pilihan random struktur-struktur pendapatan dan perbelanjaan 5 buah keluarga responden dalam kerja lapangan :-

Struktur Pendapatan dan Perbelanjaan Keluarga Lima Responden

Keluarga	Jumlah Pendapatan	Bil. Bekerja	Saiz	Jumlah Perbelanjaan
	Bulanan (\$)	Orang	Orang	Bulanan (\$)
A	200	1	6	316
B	300	2	10	583
C	520	2	5	1000
D	960	4	7	1687
E	360	2	4	502
Jumlah	2340			4168
Purata	468			835

Dalam kajian wiebe & Mariappan<sup>9</sup> ke atas struktur pendapatan dan perbelanjaan 5 buah keluarga ladang, fenomena hutang juga jelas di dapati apabila perbelanjaan melebihi pendapatan.

Jadual Kajian Struktur-Struktur Perbelanjaan & Pendapatan (Wiebe dan Mariappan)

Keluarga	Pekerjaan Ketua Keluarga	Jumlah Bulanan (Pendapatan)	Bilangan Pekerja	Saiz	Jumlah Perbelanjaan (\$)
A	Pekerja Kilang	120	1	8	226
B	Perumput	241	2	7	143
C	Penoreh	405	4	11	653
D	Tiada	386	3	6	362
E	Penoreh	688	4	7	900
Jumlah		1840			2284
Purata		368			457

Dalam kajian ini, mereka mendapati secara puratanya sesuatu keluarga bersaiz 8 orang hanya menerima pendapatan bulanan sebanyak \$367.95 iaitu dibawah garis kemiskinan iaitu \$384 yang telah ditentukan oleh Laporan SERU.

Maka, apabila perbelanjaan mengatasi had pendapatan, timbulnya berbagai-bagai masalah sosial. Pekerja-pekerja yang masih kanak-kanak di bawah 16 tahun terpaksa diheret ke kawasan perladangan untuk membantu ahli-ahli keluarga mereka. Berbagai-bagai jenis penyakit pula dijangkiti apabila kekurangan pendapatan serta kejahilan



menyebabkan ketidakseimbangan zat-zat pemakanan mereka. Kekurangan zat besi dan protin menyebabkan anaemia terutamanya di kalangan kaum ibu manakala kekurangan vitamin A sering menyebabkan penyakit mata rabun, kecacatan tumbesar fizikal kanak-kanak dan penyakit-penyakit "gastro-intestinal". Menurut suatu kajian oleh Daniel, JR (1978) keatas item-item perbelanjaan bulanan, sebanyak 56.7% daripada jumlah pendapatan \$252.73 adalah dibelanjakan ke atas beras manakala daging, ikan dan sayur-sayuran hanya meliputi sebanyak 9.9% sahaja.

Sebagai kesimpulan bab ini, boleh dikatakan bahawa mekanisme-mekanisme pendapatan dan perbelanjaan komuniti ini adalah lebih kompleks daripada perbincangan dalam kajian ini. Terdapatnya maklumat-maklumat penting yang sukar diperolehi dari responden-responden yang tertentu.

Daniel JR<sup>10</sup> dalam "A Socio-Economic Study of the Indian In the Rubber and Oil Palm Estates of Perak and Sel" menyimpulkan bahawa :-

1. Sungguhpun keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan perumahan dapat dipenuhi tetapi mutunya masih boleh dipersoalkan.
2. Tahap pendapatan mereka hanya membolehkan mereka mendapat keperluan hidup yang minima saja dimana mereka sering menghadapi masalah-masalah hutang dan kekurangan tabungan.
3. Beberapa penyebab-penyebab fenomena hutang ini mungkin juga berasal dari kos-kos perbelanjaan tinggi kegiatan-kegiatan kebudayaan, sosial dan agama.

NOTA KAKI

1. Daniel, JR; "A Socio-Economic Study of the Indians In The Rubber & Oil Palm Estates of Perak & Selangor"; MA Thesis, University Malaya; 1978.
2. Jayakumar, D; "Modenisasi & Keperibadian Budaya Bangsa Malaysia"; Universiti Malaya; 10hb - 12hb Januari, 1983.
3. INSAN & Anti-Slavery Society for the Protection of Human Rights; "Early Labour: Children At Work on Malaysian Plantations"; London 1984.
4. Supernor, DS; "Tamils In Malaysia: Problems In Socio-Economic Development for an Immigrant Minority Group"; Houston Texas, Rice University, 1983.
5. Daniel, JR; "Aspek-aspek Sosio-Ekonomi"; Jabatan Pengajian India; Universiti Malaya - 8hb Ogos 1985.
6. Jain, RK; "South Indians On the Plantation Frontier In Malaya"; Kuala Lumpur University Malaya Press, 1970; m/s 99
7. Wiebe & Mariappan; "Indian Malaysian - The View From The Plantation"; Delhi, Manohar; 1978; m/s 117
8. Jayakumar, D; "Modenisasi & Keperibadian Budaya Bangsa, Malaysia"; Universiti Malaya 10hb - 12hb Jan 1983.
9. Op Cit; m/s 119.
10. Daniel, JR; " A Socio-Economic Study of the Indians In The Rubber & Oil Palm Estates of Perak & Selangor"; MA Thesis, Universiti Malaya 1978.



KEDAI RUNCIT LINDAS TEMANG - REMONG



PONDOK MENGREKAK SUSU GETAH



TANGKI ASID ANONIA - MENGELOKAN PEMBESUAN

## BAB 4

### Masalah-Masalah Penoreh Getah

Punca-punca masalah kemiskinan boleh dikatakan berasal dari sejarah dan struktur masyarakat ini. Sejak zaman kolonialisme sehingga kini, selepas pencapaian kemerdekaan nasional, masalah ini semakin ketara dan rumit untuk diatasi. Golongan berpendapatan rendah menerima kesan-kesan buruk apabila tertinggal dibelakang dalam proses kemajuan masyarakat yang penuh dengan persaingan.

Bab ini akan dibahagikan kepada 3 tajuk kecil yang mengutamakan perbincangan konsep, pengukuran serta teori kemiskinan dan beberapa masalah sosio-ekonomi yang utama dalam kehidupan komuniti buruh ini.

Laporan RMT (1976; 194) telah menggolongkan jenis pekerja ini sebagai golongan "miskin" dimana pada 1970, terdapat seramai 25,000 orang pekerja ladang dari jumlah 150,000 buah keluarga. Kira-kira 60% daripada pekerja-pekerja ini hanya mendapat pendapatan tunai bulanan sebanyak \$100 - \$ 120. RME (1981; 46) pula mengatakan bahawa pendapatan purata bulanan telah bertambah sehingga \$246 pada 1979. Tetapi, malangnya, pertambahan ini tidak banyak meninggikan "kuasa membeli sebenar" untuk memperbaiki keadaan taraf ekonomi mereka.

#### 4.1 Konsep, Pengukuran dan Teori Kemiskinan

Konsep ini tiada suatu definisi tepat kerana terdapat berbagai pengertian dari jenis-jenis pendekatan kajian berlainan. Walaupun begitu umumnya terdapat 3 pendekatan :-

- a) Segi keperibadian golongan miskin yang bercirikan Budaya Miskin.
- b) Segi struktur ekonomi-politiko yang mementingkan aspek "lebihan".
- c) Segi neo-ekonomi yang mementingkan aspek "pendapatan".

Ahli-ahli ekonomi<sup>1</sup> mendefinisikan konsep kemiskinan sebagai keadaan tidak berkemampuan memenuhi keperluan-keperluan asas hidup (makanan, pakaian, perlindungan) dan perkhidmatan-perkhidmatan awam (pelajaran, bekalan air serta elektrik, rawatan kesihatan). Ahli-ahli sosiologi<sup>2</sup> pula menganggap sebagai keadaan "bersubsisten", "ketidakseimbangan" dan "pengasingan dari masyarakat". "Subsisten" disini bermaksud keperluan minima mengekalkan kesihatan dan kekuatan fizikal untuk bekerja. "Ketidakseimbangan" pula adalah kedudukan ekonomi berlainan bagi berbagai-bagai kumpulan dan "pengasingan" adalah keadaan terasing dalam kegiatan-kegiatan kemasyarakatan.

Profesor Kamil Salih dalam "Seminar Kemiskinan Luar Bandar Alor Setar, Kedah, 1983" mengatakan konsep "kemiskinan" bercirikan pendapatan tidak cukup, tiada sebarang kuasa dalam masyarakat, kurang menikmati keperluan-keperluan asas kini dan dikaitkan dengan faktor-faktor "struktural" (ekonomi, agihan pendapatan, kuasa-kuasa lain) serta faktor-faktor "konjektural" (tekanan masyarakat yang maju).

Profesor Syed Husin Ali pula menganggap konsep ini sebagai

keadaan yang deprivasi keperluan-keperluan "asas" (makanan, pakaian, perlingungan) dan "terbitan" (kemudahan air, letrik, kesihatan, rekreasi). Dalam ekonomi, golongan miskin berpendapatan rendah, kurang memiliki harta dan berstatus pekerjaan rendah. Dala sosial, mereka menduduki lapisan bawahan masyarakat.

Stigler<sup>3</sup> mendefinisikan konsep ini dengan menggunakan "keperluan-keperluan kesihatan minima (nutritional adequacy) sebagai alat penjelasan. JL Roach dan JK Roach<sup>4</sup> pula mengatakan ia adalah keadaan tidak berupaya memenuhi keperluan-keperluan asas manakala International Encyclopedia & Social Sciences berpendapat kemiskinan boleh dikatakan sebagai suatu hasil negatif dari ketidakseimbangan sosio-ekonomi masyarakat.

Brian A. Smith dan Peter Townsend pula melihat kemiskinan sebagai suatu konsp relatif yang bergantung kepada faktor-faktor alam sekeliling, pemilihan harta, pendidikan, peluang-peluang pekerjaan dan kewangan. Menurut pendapat pengkaji pula, walaupun terdapat banyak rumusan-rumusan mengenai konsep kemiskinan, masih tidak ada satu penjelasan menyeluruh mengenai konsep ini kerana sukar untuk mencapai sesuatu definisi muktamad. Ini adalah kerana proses-proses modenisasi dan industrialisasi pesat telah mewujudkan keperluan-keperluan asas baru selain daripada makanan, pakaian dan perlindungan. Keperluan-keperluan baru ini adalah berbeda-beda dalam masyarakat yang berlainan dan perbezaan-perbezaan ini menyebabkan kesukaran untuk

pengaplikasian sesuatu konsep kemiskinan secara universal.

CJ Wilson<sup>5</sup> telah memberi 2 konsep kemiskinan yang mutlak dan relatif. Kedua-dua ini mempunyai perbezaan walaupun garis pemisahannya adalah kabur.

Konsep relatif mengatakan bahawa kemiskinan mesti dilihat dalam konteks masyarakat keseluruhannya dimana peningkatan pendapatan per kapita akan menyebabkan perubahan misbah kemiskinan konsep relatif dari segi kemiskinan. Terdapat beberapa pendapat :-

(Athinson; 1975; 186) menegaskan bahawa konsep ini mesti dilihat dalam perhubungan konvensi-konvensi sosial serta taraf hidup dalam sesuatu masyarakat. Sebagai contohnya, individu di Amerika Syarikat yang dikatakan "miskin mungkin mempunyai pendapatan melebihi pendapatan individu lain yang dikatakan "sederhana" di India.

(Townsend; 1962; 219) melihat manusia sebagai seolah-olah haiwan sosial dalam satu rangkaian perhubungan yang tiada senarai keperluan-keperluan mutlak serta tidak tertakluk kepada struktur, organisasi, alam fizikal dan sumber-sumber dalam masyarakat. Kemiskinan pula dilihat sebagai ketidakselesaan hidup dan tahap penggunaan yang rendah. Maka, wujudnya golongan atasan dan bawahan yang dapat dibezakan melalui kriteria-kriteria tertentu.



(Atkinson; 1975; 190) pula mengatakan bahawa penentuan garis kemiskinan adalah keputusan politik iaitu satu "definisi formal/ sah mengenai pendapatan minima pada sesuatu masa".

Konsep mutlak pula dapat difahami sebagai jumlah bahan-bahan serta perkhidmatan yang diperlukan untuk maksud kesihatan serta keupayaan bekerja. Rowntree mengatakan kemiskinan adalah satu konsep untuk keadaan tidak berkemampuan memenuhi keperluan-keperluan asas fizikal manusia. Jumlah bahan-bahan asas yang minima ini pula perlu ditukarkan ke dalam bentuk nilai wang supaya dapat menetapkan satu garis kemiskinan. (Townsend; 1954;1962) mengatakan bahawa jenis pekerjaan yang berat atau ringan akan mempengaruhi jumlah kadar minima makanan untuk mengekalkan keupayaan bekerja. Pekerjaan buruh akan memerlukan kadar yang lebih tinggi. Sejumlah bahan-bahan pemakanan yang mungkin tidak berzat perlu dimasukkan juga seperti kopi dan teh yang diminum tiap hari.

Walau bagaimanapun, konsep mutlak ini mempunyai kelemahan dari segi harga yng berlainan untuk bahan-bahan sama di tempat-tempat berlainan. Maka, harga-harga berlainan ini akan menyebabkan perbezaan nilai apabila bahan-bahan ini dinilai dalam bentuk wang.

Konsep mutlak lebih mementingkan "kadar subsisten" yang minima kosnya manakala konsep relatif lebih menegaskan kepada taraf

hidup masyarakat serta kadar pendapatan minima yang dikatakan "miskin" untuk tujuan-tujuan perbandingan. Walaupun konsep mutlak lebih mementingkan penentuan jumlah bekalan minima untuk terus hidup (survival) manakala konsep relatif lebih menegaskan kepada penentuan jenis bahan-bahan keperluan asas, kedua-dua konsep ini sama-sama mengutamakan faktor jumlah pendapatan minima untuk terus hidup (survival).

Dalam konsep relatif kemiskinan, terdapat beberapa implikasi :-

a) Oleh kerana kemiskinan diukur oleh faktor-faktor sosial tertentu pada sesuatu masa tertentu, ia menjadi sukar untuk menganalisis perubahan struktur kemiskinan dalam masyarakat yang pesat berubah. Adalah tidak mencukupi untuk hanya membandingkan perubahan kadar-kadar kemiskinan serta harga dalam masyarakat kerana perlu untuk mengadakan beberapa penyesuaian seperti kewujudan bahan-bahan keluaran baru. Dari aspek ini, konsep mutlak kemiskinan tidak banyak menghadapi kesulitan kerana kadar subsistens yang dikaji tidak banyak berubah dalam masa.

b) Konsep relatif tidak melibatkan proses perbandingan antara negara-negara; wilayah-wilayah atau luarbandar-luarbandar. Walaupun perbandingan ini dapat dijalankan. Perbandingan antara tempat-tempat ini adalah sukar kerana kawasan-kawasan berlainan mempunyai garis kemiskinan sendiri.

Maka, analisis konsep relatif amat sesuai untuk sesuatu kawasan pada sesuatu masa dan perbandingan dalam sesuatu tempoh dapat dijalankan apabila disertai dengan andaian-andaian tertentu. Contohnya : pendapatan per kapita yang meningkat sebanyak 50% diantara 1960 - 1970 seharusnya juga menyebabkan garis kemiskinan pada 1970 bertambah sebanyak 50%.

Walaupun adanya kesulitan-kesulitan tertentu dalam konsep relatif ini tetapi ia adalah sesuai untuk menganalisis kemiskinan kerana memerlukan kurang andaian-andaian mengenai pola penggunaan optima dan maklumat rumahtangga-rumahtangga. Kemiskinan disini dianggap sebagai fungsi kepada cara hidup masyarakat keseluruhannya.

Presidents Commission On Income Maintenance Program (Marnor; 1971; 24) mengatakan :-

"as society's normal standard of living rises, the poor will seek to emulate it - since they are part of society and feel increasingly deprived if they cannot".

Sebagai kesimpulan kepada rumusan-rumusan konsep-konsep kemiskinan ini, dapatlah dikatakan kedua-dua konsep mutlak serta relatif berfungsi berasingan dalam menggambarkan keadaan sosio-ekonomi yang mundur di kalangan golongan penoreh-penoreh getah ladang. Kemunduran ini dapat dilihat dari kontek ladang itu sendiri dan kemudiannya, dalam kontek masyarakat keseluruhannya.

Di sini, perlu dibezakan antara konsep "kemiskinan" dengan 'kemunduran' walaupun kedua-duanya berkait rapat. "Kemiskinan" adalah sesuatu gejala yang lebih mengutamakan aspek ekonomi manakala 'kemunduran' mempunyai makna lebih luas dan mendalam. Ia merangkumi aspek-aspek ekonomi, politik, sosial dan kebudayaan sesuatu masyarakat. Maka, kemiskinan adalah hanya salah satu aspek daripada kemunduran. Dalam kajian ini, perhatian akan ditumpukan kepada masalah kemiskinan dan bukan masalah kemunduran yang mempunyai skop terlalu luas. Tujuan membincangkan masalah ini adalah kerana ia masih dialami oleh komuniti kajian ini khasnya dari aspek sosio-ekonomi.

Golongan miskin ini dapat dibezakan dari golongan-golongan lain berdasarkan :-

- a) Pendedahan kepada ancaman-ancaman hidup -inflasi, harga getah tidak stabil dan cuaca.
- b) Pilihan terhad dalam pekerjaan dan pelajaran.
- c) Peluang-peluang terhad ke atas pemilikan harta dan tanah.

Dalam kajian-kajian mengukur kemiskinan, timbul kesulitan apabila terdapat ketidakseragaman kaedah mengukur. Walau bagaimanapun, Samuel Mencher<sup>6</sup> mengatakan dasar umum adalah mengutamakan 2 isu penting:-

- a) Pembentukan rangka konseptual atau teoritikal kajian yang baik.

- b) Pengaplikasian teknik-teknik sah dan bertanggungjawab dalam mengumpul serta menyusun data-data relevan.

Dalam ini, "profil kemiskinan" memerlukan suatu set petunjuk berbagai-bagai supaya dapat memberi sesuatu gambaran jelas kedudukan golongan miskin.

Menurut Majalah Aliran<sup>7</sup> "Dialogue of Concern - Poverty", ia mengatakan bahawa faktor-faktor penyebab kemiskinan adalah:-

- a) Pendapatan rendah
- b) Kemudahan asas perumahan dan pendidikan tidak lengkap
- c) Kekurangan kemahiran perdagangan dan industri
- d) Kekurangan peluang menyedari potensi individu
- e) Kos Hidup Tinggi
- f) Pengangguran serta kelayakan akademik rendah

Seterusnya, ia telah menetapkan beberapa halangan ke arah memajukan taraf hidup golongan miskin:-

- a) Pendapatan rendah serta kewangan terhad.
- b) Kekurangan peluang pekerjaan serta kemahiran dalam industri dan perdagangan
- c) Kekurangan pendidikan formal
- d) Kejahilan proses-proses kerajaan serta masyarakat
- e) Kekurangan perubahan-perubahan dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas
- f) Kekurangan kesedaran potensi individu
- g) Hutang
- h) Kekurangan perkhidmatan kesihatan moden
- i) Ketidakupayaan menanggung keluarga besar dan kemunduran

kehidupan kekeluargaan

- j) Eksploitasi majikan
- k) Kekurangan keselamatan di tempat pekerjaan dan mangsa dalam perdagangan
- l) Pasif dalam politik untuk mempertahankan hak diri
- m) Tiada peluang membentuk kebudayaan masyarakat individu

Halangan-halangan di atas boleh diaplikasikan ke dalam kehidupan responden-responden serta keluarga-keluarga kajian ini yang hidup dalam keadaan serba kekurangan.

Sehingga kini, masih belum mencapai satu persetujuan muktamad mengenai pengaplikasian universal sesuatu teori muktamad dalam rancangan-rancangan pembangunan yang lebih berkesan. Walaupun begitu adanya tiga aspek ekonomi yang dikatakan sebagai punca kemiskinan iaitu pendapatan rendah, pelajaran rendah dan pekerjaan berstatus rendah. Ketiga-tiga berkaitan-rapat di mana individu yang berpelajaran rendah akan hanya layak untuk jenis pekerjaan buruh yang berpendapatan rendah.

Menurut Peter Townsend,<sup>8</sup> sesuatu teori kemiskinan mempunyai empat konsep penting:-

- a) Sumber-sumber (resources) yang meluluti:-
  - wang tunai dari gaji, pencen, dividen
  - harta dan modal, wang simpanan dan tunai, saham, tanah, bangunan, kelayakan akademik.
  - peluang-peluang pekerjaan, faedah-faedah percuma,

kereta, rumah, rekreasi

- perkhidmatan sosial, kebajikan, kesihatan
- sumber-sumber persendirian, hadiah-hadiah, dermaan

b) Kedudukan dalam masyarakat (total rank):-

Status ekonomi dalam masyarakat

c) Kekurangan (deprivasi):-

Kekurangan peluang-peluang menikmati kemudahan-kemudahan ekonomi dan sosial.

d) Pengekalan kedudukan (constancy of rank):-

bagaimana mengekalkan kedudukan dalam sesuatu strata.

Teori kemiskinan berkaitrapat dengan konsep 'budaya miskin' iaitu ciri-ciri yang lazim dihasilkan dari pengaruh kehidupan yang miskin. Contohnya seseorang kanak-kanak miskin akan bersikap agresif, fatalistik dan pesimis. Walau bagaimanapun budaya ini tidak dihadkan kepada golongan miskin sahaja dan tidak semestinya semua komuniti miskin mempunyai ciri-ciri budaya tersebut. Ini adalah kerana ciri-ciri budaya miskin seperti perpecahan sistem kekeluargaan boleh didapati dalam masyarakat maju manakala adanya golongan miskin yang berusaha mengatur serta membebaskan diri dari keadaan deprivasi mereka.

Herbet Gans<sup>9</sup> mengatakan bahawa adanya pengaruh-pengaruh lain ke atas budaya miskin seperti:-

- a) Sistem kewangan buruh-buruh
- b) Kadar pengangguran tinggi serta yang tak ketara
- c) Kadar pendapatan rendah golongan tidak mahir

- d) Kekurangan kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi & politik bagi golongan miskin
- e) Sistem kekeluargaan bilateral (2 nisab)
- f) Pertandingan dari klas-klas dominan yang berjaya mengumpulkan kekayaan.

Menurut Chain T. Waxman<sup>10</sup> pula, perbincangan budaya miskin ini memerlukan tiga andaian penting mengenai golongan miskin:-

- a) Berlainan dari segi pola tingkahlaku mereka.
- b) Nilai-nilai budaya mereka yang berbeda dengan masyarakat maju.
- c) Nilai-nilai yang diwarisi dari generasi ke lain melalui proses sosialisasi.

Oscar Lewis yang mengasaskan istilah "budaya miskin" ini membezakan budaya miskin dengan kemiskinan:-

"The culture of poverty is not just a matter of deprivation. It's a culture which provides human being with design for living, with a ready made set of solution for human problems".

Seterusnya, beliau mengatakan bahawa budaya ini hanya wujud di negara-negara kapitalis dan tidak di negara-negara sosialis.

Perbincangan ini mengenai konsep, pengukuran dan teori kemiskinan akan dikaitkan dengan komuniti-komuniti kajian ini dalam bab 5 nanti. Ini adalah kerana kemiskinan adalah salah satu ciri penting yang masih digunakan kini untuk mensifatkan jenis



komuniti ini.

4.2 Masalah-masalah sosial-keciciran alkoholisme kesihatan, keselamatan dan mobiliti sosio-ekonomi.

**Keciciran**

Punca-punca masalah keciciran di antara kanak-kanak ladang kaum Melayu dan Cina mempunyai beberapa perbezaan. Kanak-kanak Cina hanya mendedahkan diri kepada alam penuturan bahasa Tionghua khasnya kanak-kanak yang menghadiri sekolah rendah jenis kebangsaan Cina. Mereka biasanya menghadapi masalah dalam klas peralihan serta seterusnya yang menggunakan sukatan pelajaran berpengantar Bahasa Malaysia. Secara umumnya, kanak-Melayu dan Cina ini secara aktif membantu dalam aktiviti-aktiviti perladangan sejak waktu subuh tiap hari. Keletihan serta kekurangan minat dalam pelajaran dalam klas kemudiannya menyebabkan mutu perhatian murid-murid ini merosot. Pada waktu malam pula, masa dihabiskan dengan merehat serta menonton televisyen.

Dari aktiviti-aktiviti ini yang berulang tiap hari, ini telah menyebabkan pelajaran sering diabaikan dan meningkatkan kadar keciciran khasnya dalam peperiksaan Sijil Rendah Pelajaran.

Kajian keciciran 1973 melaporkan bahawa sebanyak 54% murid-murid Melayu dan 53% murid-murid Cina tercicir sebelum menghadapi peperiksaan ini di mana sebahagian besar bilangan tercicir ini adalah kanak-kanak ladang.

Daniel JR<sup>11</sup> pula menunjukkan 77.9% dari 150 kanak-kanak lelaki

dan perempuan yang tercicir sebelum darjah 6 dan yang lain melanjutkan pelajaran tetapi akan berhenti selepas Tingkatan 3 dan 5. Bolehlah dikatakan bahawa kekurangan inisiatif untuk belajar adalah berasal dari sikap neutral ibubapa serta guru-guru sekolah terhadap kebolehan kanak-kanak ini.

### **Alkoholisme**

Alkoholisme adalah satu masalah kesihatan di kalangan komuniti ladang walaupun kebanyakan yang terlibat adalah kaum India. Minuman-minuman keras seperti samsu, todi dan bir adalah terkenal di kalangan buruh-buruh ini. Walaupun ketagihan ini boleh mengganggu ketenteraman dan prestasi bekerja peminum-peminumnya tetapi jualan minuman-minuman ini secara sah oleh majikan, masih dijalankan seperti samsu "Ng Kapi" berharga \$2.20 untuk setengah botol. Dianggarkan seseorang kaki botol dapat menghabiskan 4 litre samsu tiap hari. Brandi pula dalam setiap bungkusan (3 auns) berharga \$1.20 juga dijual. Keuntungan lumayan dari jualan ini telah disalurkan kepada pembinaan tadika serta "kandang". Kedua-dua pihak majikan dan pekerja-pekerja ini menganggap bahawa penjualan-pembelian minuman-minuman keras ini menguntungkan masing-masing di mana majikan dapat mendapat keuntungan besar dari perniagaan ini manakala pekerja-pekerja menganggap minuman-minuman ini pembekal tenaga fizikal, bentuk rekreasi dan escapime dari tekanan-tekanan hidup.

Walaupun wujudnya kesedaran tentang implikasi-implikasi buruk dari ketagihan minuman-minuman ini, aktiviti perniagaan ini

masih dijalankan kerana ia merupakan satu insentif bekerja.

Biasanya, peminum-peminum wanita akan meminumnya di rumah masing-masing untuk mengelakkan sebarang perbuatan tidak senonoh apabila dalam keadaan mabuk nanti.

Masalah alkoholisme sebagai satu masalah kesihatan telah menimbulkan masalah-masalah sampingan yang rumit. Peminum-peminum yang mabuk biasanya tidak berupaya bekerja pada keesokan pagi dan ini akan menyebabkan kelucutan upah pada hari tersebut. Ketagihan ini juga boleh menimbulkan masalah hutang apabila jumlah perbelanjaannya melebihi pendapatan seseorang. Suami-suami ini biasanya akan mendesak isteri-isteri mereka menggadai-kan barangan kemas tetapi ini akan menyebabkan konflik serta pergaduhan suami-isteri. Sering, ini akan memecahbelahkan sesuatu sistem kekeluargaan. Menurut Daniel JR lagi, keadaan sebenar masalah alkoholisme ini adalah lebih buruk daripada pemberian maklumat-maklumat oleh responden-responden kerana:-

" However, interviews with community leaders, management and personal observation reveal that the amount of money spent on drinking is actually more than what's been disclosed. There's a tendency for them to understate the amount spent on drinks as drinking of liquor is socially unacceptable".

### **Kesihatan**

Dari segi kesihatan alam sekitar petempatan di ladang seperti Ladang Lenga, ia masih tidak memuaskan. Struktur perumahan yang sempit untuk keluarga besar biasanya menyebabkan penyakit-

penyakit wabak mudah menjangkit. Keadaan yang buruk tanpa pembaikan adalah tidak sesuai untuk didiami tetapi buruh-buruh yang tiada pilihan lain terpaksa mendiaminya dengan keluarga masing-masing. Sering, perumahan buruk ini menyebabkan penyakit-penyakit asthma dan kult.

Dari segi pengangkutan sampah sarap pula, ia tidak dilakukan dengan seringnya. Sampah sarap yang terdedah serta tanpa dibakar telah menjadi hinggapan lalat-lalat serta dikacau oleh binatang-binatang. Tanpa sebarang pembedahan najis pula telah juga mengancam udara apabila pondok-pondok jamban dipenuhi dengan kekotoran. Ini telah mengancam keselesaan alam sekeliling bagi keluarga-keluarga yang tinggal berhampiran.

Lawatan pegawai-pegawai kesihatan ke ladang-ladang adalah jarang serta tidak sesuai masanya dengan masa lapang pekerja-pekerja ladang. Maka, keperluan rawatan segera sering dilakukan di pekan Pagoh dimana kosnya dibiayai oleh pesakit-pesakitnya. Menurut pengagihan nisbah kemudahan kesihatan pada 1979<sup>12</sup> di ladang-ladang ia adalah 1: 6416 di hospital manakala untuk pegawai kesihatan pula adalah 1: 509. Pada 1982 pula, kira-kira 70% klinik-klinik ladang di Semenanjung Malaysia tidak didaftarkan kerana enggan memenuhi kehendak-kehendak akta kesihatan serta enggang melengkapinya dengan peralatan cukup untuk rawatan komuniti ini. Klinik-klinik ini hanya berfungsi untuk merawat penyakit-penyakit kecil saja.

Walaupun pekerja-pekerja ini adalah buruh kasar yang memerlukan tenaga fizikal kuat, ini tidak bermakna bahawa mereka adalah sihat dari segi mental, fizikal dan emosional. Kajian Kandiah dan Lim Ju Boo menunjukkan sebanyak 211 kes amnesia dari jumlah penduduk 487 orang manakala 69% daripada jumlah kes-kes tersebut adalah golongan wanita yang berusia lebih daripada 18 tahun. Contoh jenis penyakit ini adalah untuk menggambarkan kejahilan serta ketidakupayaan komuniti ini untuk mengimbangkan zat pemakanan mereka supaya dapat memperbaiki kesihatan masing-masing.

### **Keselamatan**

Di ladang-ladang getah yang mengeluarkan susu getah cecair, asid amonia dari tangkinya akan dicampuri dengan susu getah untuk mengelakkan pembekuan. Bahan kimia ini adalah merbahaya kepada manusia. Maka, langkah-langkah keselamatan perlu diambil untuk mengelakkan sebarang kecuaiian. Tetapi, di Ladang Lenga pula, tangki ini diletakkan di dalam kawasan petempatan buruh di mana kanak-kanak sering bermain berdekatan. Sebarang perletupan tangki ini mungkin akan mencederakan parah atau membunuh mangsa-mangsa yang berhampiran masa itu.

Kejahilan mengenai bahaya kimia-kimia seperti paraquat sering menimbulkan kecuaiian apabila buruh-buruh ini memdedahkan diri kepada bahan kimia ini. Majikan pula tidak berusaha untuk mendidik pekerja-pekerjanya mengenai bahaya dalam kecuaiian penggunaannya jika tersembur ke atas manusia lain. Selain itu, tiadanya langkah-langkah untuk memberi alat-alat pelindung kepada pekerja-pekerja yang menggunakan bahan kimia ini.

Kawasan bukit-bukau ladang getah ini tiada sebarang lorong sesuai untuk menghubungi tempat-tempat berlainan. Penoreh-penoreh getah ini sering perlu berhati-hati dalam perjalanan supaya tidak tergelincir. Ini mungkin akan mencederkan mereka serta susu-susu getah dalam tong-tong mereka tertuang. Majikan pula tidak menyediakan tangga untuk menoreh pokok getah di kawasan tinggi di sebatang pokok getah. Maka penoreh-penoreh ini terpaksa mengikat sebatang kayu kepada pisau toreh untuk mencapai bekas torehan pokok yang tinggi. Jika tidak berhati-hati, titisan susu getah ini yang terpecik ke dalam mata mungkin akan mencederakan atau membutakan pancaindera ini.

Ladang Lenga yang masih tiada pembekalan letrik menggunakan lampu pelita pada waktu malam di rumah-rumah tetapi melalui kecuaiian, ia sering menjadi punca kebakaran yang membahayakan nyawa serta harta-benda.

Lokasi petempatan komuniti ladang adalah terpencil serta jauh dari petempatan-petempatan yang lain. Di Ladang-ladang kecil seperti Ladang Lenga, tiadanya yunit-yunit keselamatan untuk melindungi penghuni-penghuninya dari ancaman anasir-anasir jahat. Keselamatan adalah tanggungjawab semua.

Apabila pergaduhan meletus di antara pekerja-pekerja, majikanlah yang menjadi sistem pengadilan tetapi apabila tiada penyelesaian yang dicapai, maka kes ini diserahkan kepada polis. Apabila adanya pergaduhan di antara pekerja-pekerja dua ladang berlainan,

polislah yang bertanggungjawab menyelesaikannya. Pergaduhan diantara 2 pihak individu dari ladang-ladang berlainan biasa akan menjadi pergaduhan 2 kumpulan akibat semangat kekitaan yang menebal. Sering, ramai yang cedera parah atau mati serta harta-benda dirosakkan oleh kumpulan lain.

Maka, di sini, didapati bahawa tiadanya sebarang jaminan keselamatan ke atas perlindungan nyawa serta hartabenda penghuni-penghuni ladang ini.

#### **Mobiliti sosio-ekonomi**

Golongan berpendapatan rendah ini biasanya mengamalkan budaya miskin yang mempunyai banyak kesan negatif ke atas peribadi seseorang. Pembentukan sikap yang pesimis dan merendahkan diri tidak akan memberi keyakinan terhadap keupayaan diri untuk membebaskan diri dari keadaan mundur.

Bersama-sama dengan pandangan hidup negatif ini ialah ketiadaan peluang-peluang sosio-ekonomi yang baru serta bantuan-bantuan dari kuasa-kuasa maju yang mencukupi untuk menggerakkan mobiliti status sosio-ekonomi semasa.

Akibat dari pengekal status ini, mereka masih menjadi mangsa utama dalam eksploitasi perdagangan. Oleh kerana sering menghadapi tindasan-tindasan dari pihak-pihak yang lebih berkuasa, mereka sering bersikap sinis serta syak terhadap sebarang rancangan perubahan oleh agensi-agensi berlainan. Maka, untuk

mengelakkan sebarang penindasan selanjutnya, mereka enggan menerima sebarang perubahan-perubahan dalam corak hidup mereka kerana tidak lagi menaruh keyakinan ke atas kejujuran bantuan dari pihak-pihak yang berwibawa.

#### 4.3 Masalah-masalah ekonomi - Pekerjaan, Pendapatan, Tabungan dan Hutang.

##### **Pekerjaan**

Apabila semakin luas kawasan pokok getah digantikan dengan kelapa sawit, ini membentuk suatu ancaman ke atas sumber pendapatan utama bagi komuniti penoreh-penoreh getah. Kehilangan kerja di ladang juga bermakna kehilangan tempat tinggal yang percuma. Tanpa sebarang kelayakan akademik yang tinggi serta kemahiran pekerjaan lain, penganggur-penganggur ini yang kehilangan pekerjaan sering berpindah ke ladang-ladang getah lain atau menjadi buruh kasar. Untuk menampung keluarga besar pula adalah sukar kerana jumlah pendapatan tidak mencukupi.

Maka, kanak-kanak ladang di bawah 12 tahun akan dijadikan pembantu dalam membersihkan cawan-cawan serta mengumpulkan susu getah tiap pagi dan mengumpulkan scrap. Penjimatan tenaga pada pihak penoreh-penoreh getah ini membolehkan penorehan bilangan pokok-pokok bertambah. Kanak-kanak diantara 12 - 16 tahun akan menjadi penoreh-penoreh getah yang dibayar kadar upah yang lebih rendah.

Banci kependudukan 1980 mengatakan bahawa terdapat lebih daripada 43,000 kanak-kanak antara 10 - 14 tahun menjadi buruh. Dari



itu, 10,214 orang adalah di sektor perladangan. Kanak-kanak ini biasanya tercicir dari persekolahan dan seterusnya menumpukan perhatian sepenuh sebagai seorang buruh kerana didesak oleh masalah-masalah kewangan keluarga, kekurangan kemahiran vokesyenal, pelajaran rendah dan peluang-peluang ekonomi yang terhad.

Majikan bersedia untuk mengupah kanak-kanak ini sebagai buruh kerana ia mudah didapati serta murah.

### **Pendapatan**

Pendapatan adalah salah satu indek untuk mengukur taraf ekonomi sesuatu keluarga atau individu. Masalah perbelanjaan yang melebihi pendapatan selalu dihadapi oleh golongan berpendapatan rendah ini. Walaupun semasa inflasi dikatakan adanya kenaikan upah tetapi kadar kenaikan "kuasa beli" adalah tidak sejajar dengan kadar kenaikan inflasi. Maka, walaupun ada pertambahan upah tetapi kedudukan ekonomi yang mundur masih dikekalkan.

Skima pembayaran upah harian menimbulkan perasaan tidak puashati. Ini adalah kerana pada musim hujan, penoreh-penoreh getah tidak dapat bekerja serta kehilangan upah pada bilangan hari tersebut. Kadar upah yang bergantung kepada harga getah semasa dan mutu pokok getah menyebabkan ketidakstabilan tingkat pendapatan. Keadaan yang tidak kukuh selalu membawa kesan-kesan buruk apabila berlakunya kemelesetan ekonomi. Tuntutan untuk mengamalkan skima pembayaran pendapatan bulanan yang tetap

masih tidak dilayan oleh MAPA.

### **Tabungan**

Akibat kekurangan tabungan (savings) dalam sesuatu keluarga, masa-masa kecemasan kewangan nanti akan sukar untuk dihadapi.

Simpanan tunggal bagi kebanyakan pekerja-pekerja ini hanyalah dalam bentuk Kumpulan Wang Simpanan Pekerja-pekerja.

Dalam 1980, kaedah faedah untuk tabungan ini adalah 8%. Walaupun ada pertambahan kadar faedah sebanyak 2.25% sejak 1970 tetapi kadar ini masih dianggap rendah. Sekiranya seseorang penoreh yang bekerja untuk selama 30 tahun, maka jumlah simpanan ini adalah hanya \$10,000 - \$15,000. Jika diandaikan bahawa jumlah wang ini akan dijadikan sumber pendapatan sesuatu keluarga selepas pekerja ini bersara dan perbelanjaan bulanan adalah \$250, maka jumlah wang ini akan dihabiskan dalam tempoh 5 tahun.

Oleh kerana memandangkan hal ini, jumlah wang tabungan ini biasanya digunakan sebagai modal perniagaan kecil-kecilan supaya dapat dijadikan suatu bentuk sumber rezeki yang baru. Sumber-sumber pendapatan lain pula boleh diperolehi dari pendapatan ahli-ahli keluarga yang masih bekerja. Dalam lain perkataan, mustahil untuk hanya bergantung kepada wang tabungan KWSP untuk menjamin kestabilan sumber pendapatan yang berterusan nanti.

Faktor-faktor yang mewujudkan masalah tabungan yang rendah atau tiada langsung adalah seperti kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi, kadar pendapatan rendah, belanjawan tidak kemas, kadar inflasi tinggi serta sikap negatif mereka terhadap kepentingan keperluan untuk menabung.

Menurut Laporan RME, terdapat 4 faktor pengekal masalah tabungan ini di sektor-sektor luarbandar:-

- a) Kadar pengangguran dan kekurangan peluang-peluang pekerjaan yang baik.
- b) Pendapatan rendah.
- c) Kadar inflasi tinggi.
- d) Rancangan-rancangan pembangunan negara yang lebih mengutamakan kawasan bandar.

### **Hutang**

Masalah pendapatan rendah akan menimbulkan masalah hutang apabila perbelanjaan melebihi pendapatan. Masalah hutang ini biasanya sukar untuk diselesaikan sepenuhnya. Maka, bagi mengurangkan kesan buruk ini, sesuatu keluarga akan melibatkan lebih bilangan ahli-ahli keluarga dalam aktiviti-aktiviti ekonomi dimana kanak-kanak bersekolah tidak dikecualikan. Seseorang buruh kanak-kanak di ladang antara umur 12 - 16 tahun akan dibayar upah \$4.05 tiap hari.

Dalam melibatkan kanak-kanak ini pula, timbul masalah lain

iaitu masalah penindasan tenaga buruk kanak-kanak. Menurut kajian Kementerian Buruh, jika dihapuskan penggunaan tenaga buruh kanak-kanak ini, maka ini akan memperburukkan lagi keadaan ekonomi sesebuah keluarga miskin. Ini adalah kerana sumbangan kanak-kanak kepada jumlah pendapatan keluarga adalah penting. Oleh itu, cara penyelesaian yang paling baik adalah untuk mengambil langkah-langkah untuk melindungi kanak-kanak dari penindasan oleh majikan.

Walaupun begitu, pihak ibubapa tidak menitikberatkan pelajaran anak-anak mereka ataupun terhadap implikasi-implikasi serius apabila tiadanya keseimbangan tumpuan masa di antara pekerjaan di ladang dan pelajaran oleh anak-anak mereka. Pelajaran lazimnya diketepikan untuk aktiviti-aktiviti seperti menonton televisyen serta berbual-bual kosong dalam masa senggang.

Pihak ibubapa menganggap anak-anak mereka mempunyai beban tanggungjawab sama dalam mengatasi masalah kewangan keluarga masing-masing dan seharusnya mengeneipkan pertimbangan-pertimbangan yang lain seperti memberi keutamaan kepada pelajaran sekolah.

Menurut kanak-kanak yang tercicir dari sekolah lalu berkecimpung dalam aktiviti-aktiviti perladangan pula, keputusan untuk bekerja adalah kerana didesak oleh situasi ekonomi keluarga yang buruk.

Dalam lain perkataan, masalah kewangan tidak sahaja terpaksa

ditanggung oleh kedua-dua suami-isteri tetapi ia juga dipikul oleh anak-anak mereka tanpa memberi pertimbangan rapi terhadap kesan-kesan buruk ke atas pelajaran serta prestasi pembentukan peribadi kanak-kanak ini.

Sebagai kesimpulan perbincangan bab ini, menjadi nyata bahawa kemiskinan masih merupakan masalah terbesar dalam kehidupan komuniti berpendapatan rendah ini tanpa sebarang penyelesaian walaupun ada usaha-usaha untuk memajukan keadaan mundur tersebut. Masalah kemiskinan ini selanjutnya berkait rapat dengan masalah-masalah sampingan yang tidak terdaya diatasi oleh pekerja-pekerja tersebut dalam keadaan yang serba kekurangan.

6. Mecher, S. "Problems of Reducing Poverty"; *British Journal of Sociology*, Vol. 18, No. 1 (1967).
7. *Majalah Aliran*, "Dialogue on Concept-Poverty"; No. 1985, w/s 2-3.
8. Townsend, P. "The Concept of Poverty"; *Socialist Register*, London, 1971, p. 14-22.
9. Carr, S. "The Role of Class in the Study of Poverty"; *New York*, 1970, p. 10.
10. Berman, C. "The Stigma of Poverty"; *Theories & Policies*, New York, 1970.
11. Daniel, J. "A Socio-Economic Study of the Indians in the Rubber & Oil Palm Estates of Perak & Selangor"; MA Thesis, University Malaya 1976, w/s 105.
12. Is, R. "Survey of Malaria Diseases in Estates in Perak & Selangor"; Ministry of Health, No. 5 No. 3/8/76.

NOTA KAKI

1. Mc Namara, RS; "So little Increase In Living Standard"; Washington DC; November 1977; Vol 19
2. Rein, M; "Problem In Definition & Measurement of Poverty" dalam Townsend. P; "The Concept of Poverty"; Heinemann Paperback; London 1974; m/a 52 - 53.
3. Stigler, J: "The Cost of Subsistence"; Journal of Fame Economics; Vol XXVII; 1945; m/s 311.
4. Rouch, JL & JK; "Poverty"; Penguin Books; 1972.
5. Wilson, CJ; "A Study of Poverty In West Malaysia with Special Reference to Rubber & Rice Smallholders"; University of New England; June 1978; m/s 12 - 17.
6. Mencher, S; "Problem of Meaning Poverty"; British Journal of Sosiology"; Vol 18; 1967; Number 1.
7. Majalah Aliran; "Dialogue of Concern-Poverty"; Mac 1985; m/s 2-3
8. Townsend, P; "The Concept of Poverty"; Heinemann Paperback; London 1971; m/s 24 - 30.
9. Gans, H: "Culture on Class In the Study of Poverty"; New York; m/s 216.
10. Waxman, CT; "The Stigma of Poverty"; Theories & Policies; New York 1977.
11. Daniel, JR; "A Socio-Economic Study of the Indians In The Rubber & Oil Palm Estates of Perak & Selangor"; MA Thesis, University Malaya 1978; m/s 105.
12. Lo, Eddy; "Survey of Endemic Diseases In Estates In Peninsular Malaysia"; Ministry of Health; Vol 5 No 3; m/s 9.

### Kesimpulan

Bab ini akan menilai ringkas kedudukan sosio-ekonomi komuniti penoreh getah dan perkaitannya dengan konsep, pengukuran serta teori kemiskinan dari bab 4. Akan ditentukan samada gejala kemiskinan masih wujud dan adakah ia bersifat mutlak atau relatif.

Beberapa saranan juga akan diberikan untuk mengatasi beberapa masalah sosio-ekonomi mereka yang masih berlanjutan dan saranan-saranan untuk memperbaiki lagi teknik-teknik mengumpul data.

#### 5.1 Penilaian Keadaan Sosio-Ekonomi

RMT (1976;194) mensifatkan penoreh-penoreh getah ladang sebagai "miskin" manakala RME (1981;46) melapurkan peningkatan pendapatan purata bulanan penoreh-penoreh ini sebanyak 61% diantara 1973-1979. Tetapi, peningkatan tersebut adalah tidak mencukupi untuk memperbaiki kehidupan mereka yang dalam keadaan serba kekurangan.

Seperti mana dari perbincangan bab 4, jika komuniti ini dilihat dari pendekatan keperibadian, didapati bahawa Budaya Miskin masih wujud serta meluas di komuniti ini. Dari pendekatan ekonomi-politiko pula, pengkaji memerhatikan kewujudan deprivasi serta kebergantungan kuat komuniti ini terhadap majikan ladang sebagai sumber pendapatan utama mereka. Dari segi pendekatan neo-ekonomi pula, mereka hanya mampu untuk memenuhi keperluan-keperluan asas seperti makanan, pakaian dan perlindungan. Keperluan-keperluan asas yang baru wujud (persekolahan, bekalan

air dan letrik, rekreasi) hasil dari proses industrialisasi negara, mereka masih kurang berkemampuan memenuhinya. Komuniti ini tidak terasing dari segi geografi sahaja tetapi juga dari segi aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.

Dari penilaian pengkaji, komuniti ini masih hidup dalam kemiskinan walaupun tidak secara mutlak. Didapati bahawa sebanyak 62% keluarga responden kajian ini mempunyai pendapatan bulanan per kapita yang lebih tinggi dari garis kemiskinan sebanyak \$76.80 per kapita bulanan (ditetapkan oleh SERU). Keluarga masing-masing masih berupaya memenuhi jumlah barangan serta perkhidmatan untuk maksud kesihatan dan keupayaan bekerja.

Dari laporan KME (1981; 41 - 48), tingkat pendapatan purata bulanan golongan penoreh getah adalah yang terendah sekali diantara golongan-golongan yang dikatakan miskin.

5.1i

Golongan Pekerja	Pendapatan Purata Bulanan	Tahun
Pekebun kecil getah	\$450	1979
Penanam Padi	\$500 - \$750	1980
Nelayan	\$61 - \$100 per hektar	1980
Pekebun kecil kelapa	\$246	1979
Pekerja ladang kelapa sawit	\$276	1979
Penduduk Kg. Baru <sup>1</sup>	\$620	1979
Kumpulan Miskin Bandar	\$320	1979

Maka, adalah tidak hairan apabila dikatakan bahawa mobiliti



sosio-ekonomi di antara jenerasi-jenerasi masih hampir kosong atau statis. Mereka kurang berupaya, was-was terhadap sebarang rancangan perubahan dan kurang menerima bantuan raksasa untuk menggerakkan mobiliti ini.

Dari 4 konsep teori kemiskinan Peter Townsend (perbincangan bab 4), kesemuanya dapat diaplikasikan ke dalam corak hidup komuniti kajian ini. Mereka masih mempunyai sumber-sumber harta milikan terhad manakala kedudukan sosial mereka adalah di lapisan bawahan. Kemudahan-kemudahan sosio-ekonomi di alam persekitaran ladang masih kurang memuaskan manakala strata bawahan sosio-ekonomi mereka masih dikekalkan.

Secara amnya, mereka tidak berupaya untuk mempunyai belanjawan teratur kerana menghadapi kesulitan-kesulitan menabung dan jumlah perbelanjaan melebihi jumlah pendapatan. Jenis-jenis harta yang dimiliki adalah berfungsi sebagai alat utiliti dan bukan sebagai simbol-simbol kemewahan.

Di kalangan kanak-kanak sekolah ladang pula, masalah keciciran masih sukar diatasi walaupun usaha-usaha dijalankan untuk melengkapi input-input sistem pendidikan di sekolah-sekolah.

Keadaan tempat tinggal keluarga-keluarga buruh ini masih boleh dipersoalkan. Di dapati bahawa Akta Taraf Minima Perumahan Pekerja (1966) perlu dirombak semula untuk mengatasi masalah kesesakan. Majikan telah membekalkan kemudahan perumahan sekadar

untuk memenuhi akta ini tanpa memperluaskan dimensi rumah untuk keluarga bersaiz besar (lebih dari 5 orang). Rumah-rumah binaan zaman kolonial adalah dalam keadaan buruk tetapi penghuni-penghuni nya yang bertanggungjawab memperbaikinya sekadar untuk melindungi diri dari anasir-anasir luar sahaja.

Seterusnya, pembekalan letrik serta air yang selamat untuk kegunaan manusia, kebersihan alam sekeliling dan keselamatan masih boleh dipersoalkan. Konsep diri di kalangan penduduk ini adalah rendah akibat dalam keadaan deprivasi. Kini, ramai merasa bimbang terhadap masa depan setelah kesemua kawasan pokok getah diambilalih oleh tanaman kelapa sawit. Kebimbangan ini, malangnya, tidak menjadi dorongan untuk membebaskan diri dari menjadi mangsa pengangguran nanti. Tiadanya sebarang rancangan untuk menghadapi masa depan yang malap ini. Sebaliknya, mereka asyik memberi perhatian sepenuh ke atas pekerjaan harian di ladang. Ini adalah kerana mereka masih bersikap fatalis serta kurang keyakinan untuk memajukan taraf hidup mereka.

Melalui proses pemerhatian pengkaji, berdasarkan "model Level of Living Index"<sup>2</sup>, didapati bahawa mutu-mutu pemakanan, tempat tinggal dan kepentingan kesihatan pekerja-pekerja ini masih diketepikan oleh majikan. Keperluan-keperluan asas kebudayaan seperti pendidikan dan bentuk-bentuk rekreasi untuk masa senggang yang bermanfaat, masih tidak dapat dipenuhi.

Berdasarkan dua model ladang kajian ini, pengkaji telah membuat

suatu generalisasi iaitu komuniti penoreh getah ladang masih miskin dan wujud pula masalah-masalah sampingan seterusnya yang rumit untuk diatasi kerana berkait rapat antara sesama lain.

## 5.2 Saranan-saranan Memperbaiki Keadaan Sosio-Ekonomi

Oleh kerana masalah-masalah sosio-ekonomi ini berkait rapat serta membentuk satu lingkaran, akar-umbunya adalah sukar untuk ditentukan. Maka, langkah-langkah untuk mengatasinya memerlukan kerjasama dari pihak-pihak kerajaan, majikan, masyarakat dan pekerja-pekerja ini sendiri. Pengkaji berpendapat bahawa tindakan dari semua pihak serta dari berbagai-bagai sudut ke atas lingkaran ini akan sedikit sebanyak, walaupun tidak keseluruhannya, mengatasi masalah-masalah ini.

Disarankan bahawa kesemua usaha-usaha tersebut perlu didahului oleh tindakan kerajaan untuk memberi tumpuan khas kepada komuniti ini. Rancangan-rancangan pembangunan khas untuk mereka perlu dilaksanakan secara berperingkat-peringkat untuk menyesuaikan komuniti ini kepada proses perubahan-perubahan ke atas corak hidup lama mereka. Perkhidmatan pakar dari ejensi-ejensi kerajaan perlu diadakan untuk memberi bantuan nasihat kepada penduduk-penduduk tersebut yang masih jahil mengenai hal-ehwal kemajuan dalam masyarakat. Segala akta-akta lama yang tidak dapat menjamin kebajikan komuniti ini perlu dirombak semula atau diganti dengan yang baru. Adalah perlu juga untuk menjatuhkan hukuman-hukuman berat ke atas pihak-pihak yang gagal untuk memenuhi syarat akta-akta tersebut.

Bertolak dari peluang-peluang sosio-ekonomi dan bantuan-bantuan baru, ini akan menggalakkan perubahan set nilai Budaya Miskin kepada "world view" baru, bersesuaian dengan ciri-ciri masyarakat moden kini. Sikap yang lebih positif akan mendorong reaksi positif terhadap peluang-peluang baru ini. Penghapusan konsep diri yang rendah, fatalistik serta mudah berputus asa oleh harapan, semangat serta keinginan baru juga akan mendorong penglibatan diri dalam jaringan-jaringan aktiviti sosio-ekonomi di luar alam tempat tinggal mereka.

Klas-klas mingguan untuk golongan dewasa perlu diadakan. Klas-klas ini adalah berfungsi untuk mengatasi kadar buta huruf tinggi dan menyebarkan propaganda kesedaran terhadap kepentingan pendidikan anak-anak berjimat-cermat, belanjawan kemas, menabung serta melabur. Klas-klas tadika dan bimbingan pula harus diadakan untuk memberi bantuan dalam proses persekolahan kanak-kanak. Ringkasnya, ini adalah bertujuan untuk memajukan sikap komuniti ini supaya menyahut keperluan-keperluan masyarakat kini yang penuh dengan persaingan.

Semangat bekerjasama perlu disebarkan di kalangan buruh-buruh ini dalam mempertahankan hak-hak mereka khasnya melalui NUPW. Selama ini, NUPW hanya mencapai kejayaan-kejayaan kecil sahaja dan lebih cenderung untuk perbincangan aman dengan MAPA. Melalui semangat kerjasama kuat di antara buruh, ia akan memdesak NUPW untuk mempergiatkan aktiviti-aktivitinya sebagai sebuah persatuan sekerja yang tulen dan menghadapi sebarang penindasan dari majikan.

dilihat dari pelbagai segi, selain dari aspek pendapatan sahaja.

Kesan kemiskinan akan bertambah buruk jika wujudnya kadar upah rendah dengan kekurangan kemudahan-kemudahan tertentu. Meskipun rancangan-rancangan kerajaan berjaya mengurangkan kadar kemiskinan tetapi ia masih tidak holistik. Contohnya; sebanyak \$2 billion dibelanjakan untuk pembekalan letrik dan air paip tetapi masih wujudnya banyak kawasan yang tidak dapat menikmatinya. Maka, disarankan bahawa dalam usaha membasmi kemiskinan, perlu dicapai tiga objektif :-

- a) penambahan pendapatan
- b) pembekalan kemudahan infrastruktur
- c) layanan saksama antara golongan berlainan serta penumpuan khas kepada yang terlalu miskin.

### 5.3 Saranan-saranan memperbaiki teknik pengumpulan data

Tempoh selama sebulan setengah untuk kerja lapangan adalah terlalu singkat. Disarankan bahawa jangkamasa ini diperlanjutkan bagi pengumpulan data-data yang lebih serta yang lebih tepat. Tempoh singkat akan mendesak pengkaji untuk mengumpulkan data-data pokok manakala setengah-setengah maklumat penting terpaksa ditinggalkan. Jangkamasa yang lebih panjang membolehkan pengumpulan data-data dari lebih model-model ladang kajian. Ini akan membantu proses pembinaan induksi yang lebih tepat berdasarkan kepada kes-kes instansi yang banyak. Data-data yang relevan dan tepat akan membantu tafsiran yang lebih jitu nanti. Seterusnya, proses "cross-checking" yang teliti dapat dijalankan iaitu melalui pertambahan peluang-peluang pengkaji

untuk memerhati serta menyertai kehidupan harian responden-respondennya. Proses ini adalah mustahak kerana mungkin adanya percanggahan "verbal statements" dengan perilaku sebenar responden-responden ini.

Disarankan juga bahawa tempoh diantara "pilot survey" terakhir dengan sesuatu bakal kajian ke atas sesuatu fenomena adalah tidak terlalu lama. Ini adalah kerana didapati setengah maklumat-maklumat pilot survey dalam 1960an tidak lagi dapat digunakan bagi kajian ini kerana telah berlaku perubahan-perubahan dalam tempoh lama tersebut. Perlu ditegaskan bahawa data-data yang "ketinggalan zaman" akan menghasilkan pembentukan soalan-soalan soal-selidik yang kurang relevan. Ini akan mengagalkan usaha mendapatkan jenis-jenis maklumat yang diinginkan. Tambahan pula, pembentukan soalan-soalan terbuka atau tertutup yang kurang lengkap serta kabur akan menghasilkan jawapan-jawapan tidak benar, norminal atau tidak relevan. Seterusnya, ini akan memberi kesan buruk kepada tafsiran data-data nanti. Maka, disarankan keperluan untuk "pilot survey" yang boleh dipertanggungjawabkan data-datanya sebelum sesuatu survey dijalankan.

Juga, digesa supaya lebih tumpuan diberi ke atas komuniti ladang getah ini dalam kajian dan penulisan. Ini akan memberi keadaan sebenar taraf hidup mereka dan kesedaran ini pula boleh mendorong usaha-usaha sesuai bagi memperbaiki taraf tersebut. Didapati bahawa lazimnya dijalankan kajian-kajian dan penulisan-penulisan yang berlebihan keatas komuniti-komuniti pertanian miskin yang

lain. Komuniti ladang ini pula hanya dikaji sepintas lalu atau secara am sahaja. Maka, pengkaji mendapati kekurangan bahan-bahan penulisan khas ke atas golongan penoreh getah ladang ini samada untuk tujuan-tujuan akademik atau laporan.

Secara kesimpulannya, saranan-saranan yang diberi adalah untuk bertujuan memperbaiki kelemahan-kelemahan atau kesulitan-kesulitan yang dihadapi semasa menggunakan teknik-teknik etnografi, survey dan penyelidikan perpustakaan. Walaupun maklumat-maklumat penting yang diperlukan telah berjaya diperolehi melalui ketiga-tiga kaedah ini tetapi usaha-usaha untuk membaikinya akan membolehkan pengumpulan data-data relevan yang lebih lengkap lagi.

NOTA KAKI

1. Unit Penyelidikan Sosio-Ekonomi; "Kajian Sosio-Ekonomi Kampung-kampung Baru 1979; Selangor; Jabatan Perdana Menteri.
2. Townsend, P; "Concept of Poverty"; London, Heinemann 1974; m/s 7.
3. Kong Chun Meng & Moses, B; "Fear of Poverty Spreading Again"; New Straits Times; 13hb Jan 1986.

SAYA BERTANDA

ALAMAT SURAH

LEWATAP				
DAHAP				
WALAH				
MAH / T				



B I B L I O G R A F I

A. TEKS RUJUKAN

1. Daniel, JR - A socio-economic study of The Indians In Rubber and Palm Oil Plantations of Perak and Selangor; Kuala Lumpur 1978.
2. Gans, H - Culture On Class In The Study of Poverty; New York.
3. Jain, RK - South Indians In The Plantation Frontier; Kuala Lumpur 1970.
4. Karupiah, R - Kemiskinan Luarbandar: Fokus Pekerja Ladang (Satu kajian Kes Di Ladang Bidor, Perak); Kuala Lumpur 1985.
5. Rein, M - Problem In Definition and Measurement Of Poverty; London 1974.
6. Roach, JL & JK - Poverty; Penguin Books; 1970.

7. Supernor, DS - Tamils In Malaysia: Problems In Socio-Economic Development for an Immigrant Minority Group; Texas 1983.
8. Townsend, P - The Concept of Poverty; London 1974.
9. Waxman, CT - The Stigma of Poverty - Theories and Policies; New York 1977.
10. Wiebe, DD & Mariappan, S - Indian Malaysian - The View From The Plantation; New Delhi 1978.
11. Wilson, CJ - A Study of Poverty In West Malaysia With Special Reference To Rubber & Rice Smallholders; New England 1978.
- B. JURNAL
1. Lo, Eddy - Epidemiology of Endemic Diseases In The Plantations In Peninsular Malaysia; Ministry of Health; Kuala Lumpur 1985; Vol 5.

2. Mencher, S - Problem of Meaning Poverty;  
British Journal of Sociology;  
1967; Vol 18.

3. Stigler, J - The Cost of Subsistence; 1945;  
Vol. XXVII

C. Penerbitan/ Kertas Kerja Oleh Kerajaan Dan Sumber-sumber  
Lain.

1. Agency for International - So little Increase In Living  
Development Standard Was On Hunger (by  
Mc Namara, RS); Washington  
DC 1977.

2. Daniel, JR - Aspek-aspek Sosio-Ekonomi  
-Pendapatan; Kuala Lumpur  
1985.

3. Hing, Ai Yun - Sosiologi Mengenai Kerja &  
Organisasi-Pembangunan Sains  
& Teknologi Di Malaysia; Kuala  
Lumpur 1985.

4. Institute of Social - Early Labour: Children At  
Analysis Work In Malaysia Plantations;  
Kuala Lumpur 1984.

5. Jabatan Perdana Menteri - Kajian Sosio-Ekonomi Kampung Baru; Selangor 1979.
6. Jayakumar, D - Modenisasi & Keperibadian Budaya Bangsa Malaysia; Kuala Lumpur 1983.
7. Kementerian Pelajaran Malaysia - Pusat Perkembangan Kurikulum; Kuala Lumpur 1973.
8. Majalah Aliran - Dialogue of Concern - Poverty; March 1985.
9. Ministry of Labour & Manpower - Labour Indicators; Kuala Lumpur 1980.
10. New Straits Times - Fear of Poverty Spreading Again ( by Kong Chun Meng & Moses, Balan); Kuala Lumpur 13rd January 1986.
11. Rancangan Malaysia Ketiga (1976 - 1980).
12. Rancangan Malaysia Keempat (1981 - 1985).
13. Universiti Malaya - Kajian Kemiskinan Di Malaysia Banci Kampung-Kampung Di Semenanjung Malaysia; Kuala Lumpur; March 1985.